

قَتِيْقِن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"DOA ini adalah 'doa besar'. Jika Allah menerimanya, bermakna kita dan negara InsyaaAllah, akan bebas daripada segala macam pesona syaitan, pembantu-pembantu dan askar-askarnya serta bebas daripada asakan-asakan nafsu ammarah (nafsu yang jahat), yang menjerumuskan manusia kepada pelbagai kejahatan dan dosa."
- Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Hijrah 1437.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيْسْنِ اِيْمَان

MANISNYA IMAN

"SETIAP yang bernyawa akan merasai mati dan sesungguhnya pada Hari Kiamat sahalah akan disempurnakan balasan kamu. Oleh itu, sesiapa yang dihindarkan daripada neraka dan dimasukkan ke dalam syurga maka sesungguhnya dia telah berjaya. Dan tiadalah kehidupan di dunia melainkan hanyalah kesenangan yang memperdayakan."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 185.

Waktu Sembahyang

IMSAK

4.41

SUBUH

4.51

SYURUK

6.14

DUHA

6.38

ZUHUR

12.11

ASAR

3.33

MAGHRIB

6.06

ISYAK

7.20

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 145

3 DISEMBER 2018 / 1440 ربيع الأول 25

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Brunei December Festival 2018 dirasmikan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Disember. - Brunei December Festival (BDF) yang julung kalinya diadakan pada tahun lalu telah berjaya menarik lebih 90,000 pengunjung dan menjadi titik permulaan dalam penganjuran festival yang serupa di mana kali ini, ia lebih besar dan meriah dengan 60 acara disusun sepanjang bulan Disember ini bagi memeriahkan musim cuti persekolahan, di samping menarik lebih ramai pelancong ke Negara Brunei Darussalam.

BDF kali kedua dianjurkan oleh Lembaga Kemajuan Pelancongan Brunei (Brunei Tourism Board) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Kementerian Pendidikan; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Kesihatan; Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Perhubungan.

Di samping itu, ia juga melibatkan Diplomati-diplomat Asing ke negara ini, rakan-rakan strategik dan pihak penganjur yang bertujuan untuk mewujudkan satu acara kemuncak (*signature event*) dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi percutian yang menarik bagi penduduk tempatan dan pelancong, selain dapat merangsang aktiviti ekonomi di negara ini.

Ke muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat dan merasmikan Brunei December Festival 2018. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 3 hingga 6).

Pengguna sama-sama bertanggungjawab mengurangkan kemalangan jalan raya

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

JERUDONG, Sabtu, 1 Disember. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri selaku Penaung Diraja Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) bersabda, pada tahun 2010, 26 kehilangan nyawa direkodkan

dan jumlah ini bertambah menjadi 29 orang pada tahun 2017, yang mana seramai 19 orang yang terkorban adalah belia dalam lingkungan usia 19 hingga 38 tahun.

Dari itu, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna bersabda dengan menekankan agar pihak kerajaan, agensi swasta, institusi pendidikan dan lebih penting sebagai

pengguna jalan raya sama-sama bertanggungjawab untuk lebih gigih berusaha bagi mengurangkan kemalangan di jalan raya.

Yang Teramat Mulia bersabda demikian pada Majlis Pelancaran Minggu Keselamatan Jalan Raya sempena Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia Tahun 2018 yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Ke arah ini sabda YTM, melalui kumpulan-kumpulan

tindakan yang dibentuk dengan keahlian dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta, MKKJR dapat mengerahkan sumber dan melaksanakan inisiatif yang lebih fokus, yang mana dapat menggerakkan pelaksanaan secara bersepadu berteraskan pendekatan 'Whole of Nation'.

Terdahulu, YTM bersabda

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melancarkan Decade of Action for Road Safety 2011 - 2020, iaitu pelan untuk mengurangkan korban kemalangan jalan raya sebanyak 50 peratus menjelang tahun 2020.

Ke muka 8

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN



Sentiasa peka keperluan atlet

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

MULA sekali saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Chef de Mission, Pegawai Urusetia Youth Olympic Games 2018 dan jurulatih di atas kerjasama dan perkhidmatan yang mereka berikan kepada atlet-atlet kebangsaan kita. Walaupun saya tidak berada di Buenos Aires bagi temasya Youth Olympic Games, akan tetapi saya berandaian yang keseluruhan semuanya berjalan dengan lancar dan sempurna sama ada dari segi pengurusan dan pentadbiran kontinjen kita.

Ucapan tahniah juga saya tujukan kepada atlet-atlet yang telah berjaya dalam memberikan saingan kepada lawan dan juga di atas pencapaian dalam memperbaiki rekod peribadi mereka. Saya berharap atlet-atlet kita akan menggunakan pengalaman yang berharga dalam menyertai 3rd Summer Youth Olympic Games supaya akan terus berusaha dalam menjalani latihan abiskita bagi meningkatkan prestasi abiskita di masa akan datang.

Di sini saya ingin menanyakan beberapa perkara mengenai dengan penglibatan kontinjen kita semasa di Buenos Aires Youth Olympic Games 2018, di mana saya mendapati ada atlet kita yang tidak memakai pakaian rasmi kontinjen semasa menjalani latihan. Adakah tidak diperlukan bagi atlet ataupun pegawai kita untuk tidak memakai pakaian rasmi kontinjen yang diberikan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS)? Jika sekiranya tidak perlu maka di masa-masa akan datang tidak perlulah kita bersusah payah untuk memberikan pakaian lagi kepada kontinjen kita. Bagi saya, pemberian pakaian rasmi kontinjen dari KKBS ini adalah bagi membina identiti kita selaku atlet ataupun pegawai yang berkontinjen yang mana boleh menunjukkan kita adalah wakil yang sah dari Negara Brunei Darussalam, dengan ini kita seharusnya berasa bersyukur kerana diberikan pakaian yang seumpamanya. Bukanlah hasrat saya untuk mencari kesalahan sesiapa ataupun menyalahkan sesiapa, akan tetapi saya hanya ingin menasihati dan mengingatkan abiskita semua supaya perkara yang mungkin dianggap kecil ini tidak akan terlepas pandang di masa akan datang kerana perkara kecil inilah nanti yang akan menjadi besar apabila ianya tidak diberikan perhatian awal. Ini adalah juga salah satu tanggungjawab pengurus, jurulatih mahupun atlet itu sendiri kerana pemergian abiskita adalah berdasarkan kepada perbelanjaan dan usaha Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) pada Mesyuarat Post Mortem Kejohanan Sukan Olimpik Belia Musim Panas Kali Ke-3 di Buenos Aires, Argentina pada Sabtu, 2 Rabiulawal 1440 Hijrah bersamaan 10 November 2018 Masihi di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Darussalam dan KKBS melalui proses penilaian daripada Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian Athlete Kebangsaan.

Saya juga mendapati yang atlet olahraga kita tidak pernah mengikuti acara Cross Country, yang mana adalah dimestikan bagi semua atlet-alet yang menyertai acara 1,500m, seperti yang tercatat dalam Laporan Harian yang bertarikh 15 Oktober 2018 yang saya terima. Apa yang saya ingin tanyakan di sini adakah Jurulatih Olahraga sedia maklum bahawa sesiapa yang menyertai acara 1,500m mestilah mengikuti acara Cross Country?

Di mana Jurulatih Olahraga sendiri ada memberikan ulasan seperti berikut :

Acara Cross Country ini adalah acara yang agak asing sekali buat Amirah membuatkan ia merasa agak keliru sedikit apabila mendapat tahu bahawa dia mesti mengikut acara ini sebagai sambungan acara individunya. Jarak litarinya adalah sejauh 800m dan harus berlari sebanyak lima pusingan untuk menyampaikan jarak 4km keseluruhan di atas permukaan padang berumput. Ini sama sekali tidak pernah dilakukan dalam latihan sewaktu di Negara Brunei Darussalam kerana latihan sebelum ini hanyalah ditumpukan penuh kepada acara 1,500m sahaja. Tidak ada strategi khas diberikan dalam perlumbaan ini hanya mengingatkan

kepadanya untuk menghabiskan larian walaupun dalam apa keadaan pun dan akhirnya dia berjaya melakukannya.

Mengapakan pihak jurulatih tidak maklum akan adanya peraturan tersebut? Bukankah ini menjadi tanggungjawab sebagai seorang jurulatih untuk membuat persediaan akan penglibatan atlet mereka. Mengapakah kita tidak mahu berusaha dalam mendapatkan peraturan sebarang kejohanan yang akan diikuti? Adakah kita mengharapkan semua peraturan mestilah datangnya dari Urusetia dan Jawatankuasa Tertinggi Pemilihan dan Penilaian?

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin mengingatkan kepada persatuan-persatuan supaya akan sentiasa berusaha dalam membantu meningkatkan mutu prestasi atlet kebangsaan kita, di samping itu persatuan hendaklah sentiasa peka akan keperluan atlet kebangsaan kita seperti kejohanan pendedahan yang mana ianya adalah sangat penting dalam meningkatkan prestasi dan semangat atlet kebangsaan kita dalam mempamerkan mutu terbaik mereka di arena sukan antarabangsa. Bersyukur dan berterima kasihlah ke atas apa jua peluang dan kesempatan yang diberikan kepada abiskita mahupun datangnya dari kerajaan ataupun Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan pihak swasta dan sponsors.

Dari Sidang Pengarang.

3 DISEMBER 2018 BERSAMAAN 1440 ربيع الأول 25

GALAKKAN AKTIVITI PERTANIAN

MASYARAKAT Islam dituntut mendalami ilmu yang bermanfaat, seperti pertanian. Islam pada umumnya sangat menggalakkan aktiviti pertanian kerana peranannya bukan sahaja sebagai sumber utama untuk kelangsungan kehidupan manusia malah membuka ruang untuk menjana pendapatan dan rezeki.

Pada Majlis Ilmu 2018 yang diadakan baru-baru ini, banyak ilmu mengenai pertanian yang diperolehi menerusi perisian majlis berkenaan, antaranya dengan mendengarkan ceramah khas, forum, seminar dan menyaksikan pameran.

Dengan bertemakan 'Sektor Pertanian : Survivabiliti Bangsa dan Negara', tema ini dilihat dari sudut, Daya Tahan bagi Survivabiliti Bangsa dan Negara; Kelangsungan hidup bagi Survivabiliti Bangsa dan Negara; dan Kemampuan Bertahan bagi Survivabiliti Bangsa dan Negara. Huraian tema menjelaskan bahawa pertanian merupakan aktiviti yang berkaitan dengan penghasilan atau pengeluaran makanan seperti perkebunan, penanaman dan penternakan. Pertanian di dalam konteks ini, juga termasuk sektor pertanian agrimakanan dan perikanan, yang mana merupakan sebagai salah satu sektor penyumbang utama dan paling penting kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam. Manakala survivabiliti membawa erti keupayaan, kelangsungan dan daya tahan untuk terus hidup. Dalam hal ini, industri pertanian di sesebuah negara adalah diumpamakan tulang belakang sistem ekonomi yang penting bagi memastikan negara tersebut akan terus berdaya tahan tanpa pergantungan dari negara lain.

Menyentuh mengenai pertanian di negara ini, bagi tempoh 2010 hingga 2017, sub-sektor di bawah sektor pertanian, perhutanan dan perikanan, sub-sektor ternakan dan sub-sektor perikanan banyak menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar negara. Dari segi aktiviti, di bawah sub-sektor ternakan, pengeluaran ayam pedaging dan telur merupakan aktiviti yang mempunyai sumbangan terbesar dan mempunyai potensi untuk dimajukan dengan lanjut, mengambil kira juga bahawa negara sudah hampir mencapai tahap sara diri di dalam pengeluaran ayam pedaging dan telur ayam.

Peningkatan dalam kapasiti pengeluaran negara setentunya dapat membantu meluaskan lagi peluang untuk meneroka pasaran eksport bagi ayam pedaging dan telur. Bagi pengeluaran produk akuakultur, di bawah sub-sektor perikanan juga menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun dan mempunyai potensi untuk dimajukan.

Setakat ini, eksport negara bagi sub-sektor ini sudah pun berjaya menembusi beberapa pasaran luar seperti ke Republik Rakyat China, Jepun, Australia, Taiwan, Viet Nam juga Hong Kong.

Sektor pertanian juga telah menyaksikan kemajuan yang menggalakkan sepanjang tempoh 20 tahun kebelakangan. Keluaran sektor tersebut berkembang pada kadar purata 7.71 peratus setahun, iaitu daripada BND93 juta pada tahun 1998 kepada BND380 juta pada tahun 2017. Pencapaian itu diterajui oleh peningkatan keluaran dari kedua-dua sektor utama, iaitu ternakan dan juga tanaman.

Dalam sesi pembentangan Seminar Majlis Ilmu 2018, penglibatan wanita dalam sektor pertanian juga ada disentuh. Terdapat beberapa faktor dan penyebab wanita terlibat dalam pertanian, antaranya ialah membantu meningkatkan ekonomi keluarga, sumber pendapatan sampingan dan bertujuan untuk mengisi masa lapang.

Mengenai pengusaha wanita yang berjaya di negara ini, salah seorang pengusaha yang boleh dicontohi ialah Dayang Erni Nasriah binti Abdurrazak, pemilik Erlin Jaya Enterprise, Layang yang merupakan seorang pengusaha telur masin yang mampu mengeluarkan sebanyak 1,300 - 1,500 telur masin sehari. Pada awalnya, Dayang Erni Nasriah hanya mempunyai sebanyak 500 ekor itik dan sekarang beliau mempunyai sebanyak 5,000 ekor itik serta mempunyai empat orang pekerja termasuk beliau sendiri. Ini jelas menunjukkan bahawa pertanian adalah merupakan tonggak asas kepada kehidupan manusia baik dari segi sumber makanan, kewangan dan ekonomi.

Oleh itu, tuntutlah ilmu dan kuatkan semangat untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian kerana ia dianggap sebagai usaha positif dalam pemakmuran bumi Allah kerana melakukan sesuatu yang berfaedah dan memberi kesenangan kepada semua pihak. - **Ketua Penyuntingan (Hs).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
34 25 °C	32 25 °C	33 25 °C
34 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
32 25 °C	32 25 °C	33 25 °C
34 25 °C	34 25 °C	32 25 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.net.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi DISEMBER	HARI	Hijrah RABIULAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
3	ISNIN	25	4.41	4.51	6.14	6.38	12.11	3.33	6.06	7.20
4	SELASA	26	4.42	4.52	6.15	6.39	12.11	3.33	6.06	7.20
5	RABU	27	4.42	4.52	6.15	6.39	12.12	3.34	6.06	7.21
6	KHAMIS	28	4.43	4.53	6.16	6.40	12.12	3.34	6.07	7.21
7	JUMAAT	29	4.43	4.53	6.16	6.40	12.13	3.34	6.07	7.21
8	SABTU	30	4.43	4.53	6.16	6.41	12.13	3.35	6.07	7.22
9	AHAD	1 RABIULAKHIR	4.44	4.54	6.17	6.41	12.13	3.35	6.08	7.22

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN | AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-Darussalam

123 | **NDCM 2380214**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel berkenan menyertai acara Kayuhan Basikal sempena Brunei December Festival (BDF) 2018.

Dari muka 1

Sehubungan itu, ribuan rakyat dari pelbagai lapisan umur membanjiri Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bagi sama-sama menyertai dan menyaksikan pelancaran BDF 2018 yang berlangsung penuh warna-warni.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi merasmikan BDF 2018 dan seterusnya berkenan menyertai rakyat dalam acara Kayuhan Basikal sempena Festival berkenaan.

Berangkat sama pada majlis tersebut ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia berserta anakanda-anakanda baginda dijunjung oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Pelancongan Brunei dan Menteri-menteri Kabinet yang lain.

Sejurus melancarkan BDF 2018, Kebawah DYMM berserta anakanda-anakanda baginda

berkenan mendahului kayuhan basikal sejauh 11.5 kilometer mengelilingi Pusat Bandar dan melintasi jalan-jalan utama, antaranya Jalan Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Jalan Kianggeh, Jalan Sekolah, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Perdana Menteri, Jalan Haji Basir, Jalan Sultan dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.


Ke muka 4



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah ketika berkenan menyertai acara Kayuhan Basikal sempena BDF 2018 (kiri dan kanan).



YANG Berhormat Menteri Perhubungan (dua, kiri) dan pelbagai lapisan masyarakat sama-sama menjayakan dan berkongsi kegembiraan pada acara kayuhan berkenaan (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai bersama Menteri-menteri Kabinet dan rakan-rakan strategik Brunei December Festival (BDF) 2018.

Dari muka 3

Turut menyertai kayuhan tersebut ialah Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-menteri Menteri, Duta-duta serta Perwakilan Negara Asing, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, para jemputan dan

orang ramai termasuk warga asing. Selepas acara kayuhan berbasikal, baginda dijunjung bagi menyaksikan petak pameran yang disertai oleh pengendali acara pesta makanan, pengendali Festival Islam, pengendali acara-sukan dan aktiviti lasak, pengendali aktiviti

seni kreatif dan kebudayaan dan pengendali aktiviti rekreasi dan jualan antaranya pameran Jalinan Kelupis Terpanjang, persembahan drone, karate-do dan demonstrasi gusti lengan. Di samping itu, baginda juga berkenan menyaksikan pameran daripada rakan-rakan strategik BDF antaranya

persatuan ejen-ejen pelancongan Brunei, Persatuan Perhotelan Brunei, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Kedutaan Indonesia, Thailand serta Suruhanjaya Tinggi Singapura, QAF Auto Sdn Bhd, Jati Transport Sdn. Bhd., Progresif Cellular Sdn. Bhd., Bank Islam Brunei Darussalam, Mix Mediaworks serta

sukarelawan belia yang ikut serta dalam acara BDF 2018. Pameran-pameran yang diadakan memberikan peluang kepada orang ramai mengetahui lebih lanjut tentang acara-acara yang dianjurkan oleh pihak-pihak penganjur.

Ke muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda berkenan dijunjung oleh peneraju Ayu Atiqah Event Management, Awang Haji Duraim bin Haji Mohammad bagi Jalinan Kelupis Terpanjang sebagai percubaan untuk mendapat pengiktirafan dalam Brunei Book of Records dan Guinness World Records sempena BDF 2018 (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan menjalin sendiri kelupis.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani The Brunei Book of Records (kiri), sementara gambar kanan, antara peserta yang ikut serta pada acara Kayuhan Basikal sejauh 11.5 kilometer mengelilingi Pusat Bandar sempena BDF 2018.

Dari muka 4

Antara yang menjadi tarikan baginda ialah pameran Jalanan Kelupis Terpanjang yang melebihi 212 meter itu memerlukan sebanyak 6,360 biji kelupis dan diusahakan oleh Ayu Atiqah Event Management yang diterajui oleh Awang Haji Duraim bin Haji Mohammad sebagai percubaan untuk mendapat pengiktirafan dalam Brunei Book of Records dan Guinness World Records.

Pembuatan kelupis tersebut melibatkan seramai 37 orang terdiri daripada ahli keluarganya sendiri termasuk isteri, anak, menantu dan sanak saudara, yang mana proses pembuatan kelupis jalin terpanjang tersebut melalui langkah-langkah yang tersusun dari proses mendadih, membungkus dan mengukus, dengan bantuan daripada pekerja-pekerja Royal Brunei Catering untuk tujuan kebersihan.

Baginda juga berkenan menjalin sendiri kelupis dan menandatangani sijil pengesahan 'Brunei Book of Records' dan melancarkan Buku tersebut yang mana dihasrat akan menjadi pemangkin kepada rakyat Negara Brunei Darussalam untuk mencabar kemampuan mereka sendiri ke tahap yang lebih jauh.

Turut menyertai pameran kali ini ialah Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), Pusat Belia, Bandar Seri Begawan

yang menjadi Urusetia kepada BDF dengan mengumpulkan belia-belia yang mahu menjadi sukarelawan.

Sepanjang BDF kali ini, seramai 418 sukarelawan dari seluruh daerah telah dan akan terlibat dalam membantu pengendali-pengendali projek bagi menjayakan acara-acara BDF.

KKBT yang ditubuhkan sejak bulan Ogos 2017 lalu kini mempunyai hampir 500 ahli yang terdiri daripada belia-belia seluruh daerah.

Salah sebuah persatuan bukan Kerajaan (NGO) yang turut mengadakan pameran sempena BDF kali ini ialah dari Persatuan C.A.R.E (Challenge, Adventure, Recreation & Educate), ditubuhkan sejak tahun 2005 yang mempunyai misi untuk menjadi sebuah badan profesional ke arah menyalurkan pendidikan melalui kegiatan-kegiatan luar yang diiktiraf.

Sehingga kini, Persatuan C.A.R.E aktif dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kegiatan luar antaranya seperti acara Larian, Berbasikal, Berkayak, Kursus Team Building, Perkhemahan termasuk acara-acara dan kerja-kerja amal.

Selain berkenan menyaksikan pameran-pameran dan demonstrasi daripada pihak-pihak penganjur serta peserta pameran yang ikut serta pada BDF 2018, baginda sebagai seorang raja yang berjiwa rakyat juga berkenan mengabdikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan menyertai acara Kayuhan Basikal sejauh 11.5 kilometer mengelilingi Pusat Bandar sempena Brunei December Festival (BDF) 2018.

gambar-gambar kenangan dan menerima junjung ziarah daripada orang ramai yang hadir.

Dengan pelancaran tersebut, ia sekali gus menandakan

bermulanya acara-acara BDF 2018 yang akan diadakan di keempat-empat daerah yang menampilkan aktiviti-aktiviti dan jualan-jualan seperti Pesta Makanan, Festival Islam,

Sukan dan Pengembaraan, Kebudayaan dan Seni Kreatif dan banyak lagi.

Ke muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda semasa berkenan menyaksikan pameran (kanan), sementara gambar kiri, baginda berkenan mencuba sukan memanah di BDF 2018.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka anakanda baginda semasa berkenan bergambar ramai bersama para pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah pada BDF 2018 (kiri), sementara gambar kanan, baginda semasa berkenan menyaksikan dan mendengar sembah penerangan daripada salah satu rakan strategik BDF 2018.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda berkenan menyertai acara Kayuhan Basikal sejauh 11.5 kilometer bersama para Menteri Kabinet juga rakyat dan penduduk dalam sama-sama memeriahkan Pelancaran Brunei December Festival (BDF) 2018 ketika melintasi salah satu pemandangan indah, iaitu Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang merupakan salah satu ikonik yang terdapat di Bandar Seri Begawan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda semasa berkenan bergambar ramai bersama Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), Pusat Belia, Bandar Seri Begawan (kanan), sementara gambar atas, baginda berkenan mendengar sembah penerangan daripada Pemangku Pengarah Pengangkutan Darat, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud mengenai Pameran Keselamatan Jalan Raya.

Dari muka 5

Antara acara-acara baharu yang akan dianjurkan pada tahun ini ialah Kejohanan Dart Terbuka Brunei kali pertama, Kejohanan Terbuka Karate-do Shitokai Brunei 2018, Lumba Perahu Berkuasa Tinggi Kawalan Radio (Open Radio-Controlled Powerboat Race), Brunei Unexpected Kingdom Ultra Marathon dan Pameran Lukisan Raja Julangan Kasih Rakyat.

Sementara itu, di daerah lain pula akan diadakan 3rd Green Jewel Night Run di Daerah Temburong, Brunei Mountain Bike Challenge Temburong Chapter, White Sand Safari Adventure di Daerah Tutong dan Brunei Rhythm Fest di Daerah Belait. Bagi mengetahui sebarang maklumat lanjut mengenai senarai acara bolehlah melayari laman sesawang www.bruneitourism.com dan www.brunei.events.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda semasa berkenan menyaksikan pameran dan mendengar sembah penerangan daripada para rakan strategik yang ikut serta pada pameran semasa Pelancaran BDF 2018 di ibu negara (kanan dan kiri).



Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Republik Demokratik Rakyat Lao Ke-43

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith dan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Thongloun Sisoulith serta kerajaan dan rakyat Republik Demokratik Rakyat Lao sempena dengan Hari Kebangsaan republik berkenaan Yang Ke-43.

Di dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Bounnhang Vorachith, baginda menyatakan bahawa sejak perhubungan diplomatik ditubuhkan 25 tahun yang lalu, Negara Brunei Darussalam dan Republik Demokratik Rakyat Lao sentiasa menikmati hubungan persahabatan yang akrab menerusi kerjasama di pelbagai bidang, dan baginda seterusnya berharap berpeluang meningkatkan kerjasama serantau dan perhubungan dua hala bagi kepentingan bersama negara dan rakyat masing-masing.

Sementara itu, dalam titah perutusan yang sama kepada Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Dr. Thongloun Sisoulith, baginda menyatakan bahawa sempena Memperingati 25 Tahun Penubuhan Ikatan Diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Demokratik Rakyat Lao, baginda berasa gembira di



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Bounnhang Vorachith dan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Thongloun Sisoulith serta kerajaan dan rakyat Republik Demokratik Rakyat Lao sempena dengan Hari Kebangsaan republik berkenaan Yang Ke-43.

atas persahabatan yang akrab dan perkembangan hubungan dua hala yang dikecapi selama ini.

Pada mengakhiri titah-titah perutusan tersebut, Kebawah DYMM menyampai-

kan salam kepada Presiden Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Bounnhang Vorachith dan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, TYT Dr. Thongloun Sisoulith dan semoga

TYT-TYT sentiasa berada dalam kesihatan dan kegembiraan yang berpanjangan serta bergembira dalam menyambut perayaan Hari Kebangsaan tersebut.

Hargai hubungan persaudaraan Brunei - Emiriah Arab Bersatu



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu, His Highness Sheikh Khalifa bin Zayed Al Nahyan dan kepada Naib Presiden, Perdana Menteri, Pemerintah Dubai dan Menteri Pertahanan Emiriah Arab Bersatu, His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum dan kepada ahli kerabat diraja serta kerajaan dan rakyat Emiriah Arab Bersatu sempena menyambut Hari Kebangsaan Emiriah Arab Bersatu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu, His Highness Sheikh Khalifa bin Zayed Al Nahyan dan kepada Naib Presiden, Perdana Menteri, Pemerintah

Dubai dan Menteri Pertahanan Emiriah Arab Bersatu, His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum dan kepada ahli kerabat diraja serta kerajaan dan rakyat Emiriah Arab Bersatu sempena menyambut Hari Kebangsaan Emiriah Arab Bersatu.

Dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Presiden Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu, His Highness Sheikh Khalifa bin Zayed Al Nahyan, baginda amat menghargai perhubungan dan persaudaraan yang rapat yang sekian lama terjalin dan berharap dapat mengukuhkan hubungan yang bernilai dan kerjasama yang sedia ada di tahun-tahun mendatang.

Sementara itu, dalam titah perutusan yang sama kepada Naib Presiden, Perdana Menteri, Pemerintah Dubai dan Menteri Pertahanan, Emiriah Arab Bersatu, His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, baginda menghargai perhubungan yang rapat dan persaudaraan muhibah yang telah sekian lama dinikmati oleh kedua-dua buah negara dan berharap dapat meneruskan kerja dengan His Highness dan berharap dapat mengukuhkan hubungan tersebut baik di peringkat dua hala atau dalam forum antarabangsa.

Baginda mengakhiri titah-titah perutusan baginda itu dengan berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kepada Presiden Emiriah Arab Bersatu dan Pemerintah Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu, His Highness Sheikh Khalifa bin Zayed Al Nahyan dan Naib Presiden, Perdana Menteri, Pemerintah Dubai dan Menteri Pertahanan, Emiriah Arab Bersatu, His Highness Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum dan kerabat diraja dengan kegembiraan, kesihatan serta rakyat Emiriah Arab Bersatu terus menikmati kemajuan dan kemakmuran yang berpanjangan.

Pengguna sama-sama bertanggungjawab mengurangkan kemalangan jalan raya

Dari muka 1

YTM seterusnya bersabda, menurut laporan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) 2015, kemalangan jalan raya mengorbankan 1.2 juta setiap tahun di seluruh dunia yang juga menjadi penyebab utama kematian dalam kalangan belia dan statistik penemuan turut menyatakan bahawa kadar kematian global adalah mendarat semenjak beberapa tahun sejak pelan tindakan global dilancarkan.

Walaupun pencapaian yang ketara belum dapat dilihat sabda YTM, banyak inisiatif telah dilaksanakan oleh negara-negara Ahli PBB dengan mengambil kira jumlah kenderaan dan pengguna jalan raya yang meningkat setiap tahun.

Daripada itu sabda YTM, terdapat banyak ruang pembaikan yang perlu diteliti untuk dilaksanakan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

Bagi menyambut baik inisiatif PBB sabda YTM, Negara Brunei Darussalam juga melancarkan Blueprint Decade of Action for Road Safety (2011 - 2020) dan melaluinya, banyak inisiatif dilaksanakan oleh MKKJR bersama pelbagai pihak, yang mana antara sasaran utama adalah penurunan kadar kehilangan nyawa sebanyak 35 peratus menjelang 2020.

"Saya telah difahamkan bahawa satu pembarigian yang khusus kepada para belia akan juga diadakan, kerana negara kita

mencatatkan hampir 7,000 orang pemandu baharu setiap tahun, dan sebahagian besar daripadanya adalah para belia. Ini adalah satu usaha yang sangat dialu-alukan," sabda YTM lagi.

YTM seterusnya bersabda, menurut siasatan oleh MKKJR dan pihak-pihak yang berkenaan, kebanyakan kemalangan yang terjadi sejak akhir-akhir ini melibatkan mangsa yang tidak menggunakan tali pinggang keselamatan, yang mana mereka adalah penumpang di hadapan dan belakang.

Oleh yang demikian sabda YTM, pengetahuan mengenai *preventable causes of injuries and fatalities* perlu ditanamkan dalam kalangan para pemandu dan penumpang.

"Dalam hal ini, saya ingin memetik hasil kajian Centre for Transport Research (CFTR), Universiti Teknologi Brunei (UTB), pada tahun 2016 mengenai amalan pemandu. Daripada jumlah 600 pemandu yang terlibat, hanya tiga peratus memakai tali pinggang keselamatan bagi penumpang di tempat duduk belakang. Jumlah ini menurun daripada 11 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya," sabda YTM lagi.

WHO menurut sabda YTM, menyatakan bahawa penggunaan tali pinggang keselamatan boleh mengurangkan risiko kematian sehingga 50 peratus bagi penumpang hadapan dan 75 peratus bagi penumpang belakang, yang mana ia sangat jelas bahawa pemakaian tali

pinggang yang mudah untuk kita amalkan dapat memberi kesudahan yang baik kepada cerita perjalanan kita.

YTM difahamkan bahawa pihak-pihak berkenaan sedang berusaha ke arah memperketatkan perundangan berkaitan pemakaian tali pinggang keselamatan bagi penumpang yang duduk di belakang, yang mana ia bukanlah satu 'pilihan', tetapi satu kemestian semata-mata untuk keselamatan kita.

YTM juga berharap agar kajian ke atas amalan pemandu di negara ini diadakan setiap tahun dan hasil kajiannya nanti akan dapat menjadi asas dalam mengenal pasti langkah dan tindakan bersesuaian.

Usaha ini sabda YTM, adalah selaras dengan amalan terbaik antarabangsa, di mana pada bulan April tahun ini PBB yang telah meluluskan resolusi "Improving Global Road Safety" sebagai kesinambungan kepada Pelan Tindakan Global yang semakin menghampiri penghujungnya dan ini menunjukkan isu keselamatan jalan raya kekal relevan dan menjadi keutamaan global.

Antara penyelerasan di peringkat serantau yang dilaksanakan sabda YTM ialah Penubuhan Pusat Penyelidikan ASEAN, khusus mengenai keselamatan jalan raya, yang ditempatkan di bawah Malaysia Institute of Road Safety Research (MIROS), selain itu, rakan-rakan dialog ASEAN seperti Jepun dan



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri selaku Penaung Diraja Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Pelancaran Minggu Keselamatan Jalan Raya sempena Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia 2018.

Kesatuan Eropah juga aktif menghulurkan peluang kerjasama untuk menangani isu ini secara *collective*.

Di sinilah sabda YTM, mereka harus mengambil peluang sebaiknya untuk merujuk kepada amalan terbaik serta meneroka peluang kerjasama strategik bersama mereka.

YTM juga bersabda menaruh

harapan yang tinggi agar usaha-usaha itu akan menyumbang kepada pengurangan risiko kecederaan dan kehilangan nyawa akibat kemalangan di jalan raya.

Sabda YTM lagi, mereka semua berperanan dan bertanggungjawab dalam menjadikan jalan raya lebih selamat.

Tingkat kewaspadaan, beri tumpuan, amalkan sikap berhemah



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, selaku Penaung Diraja Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam berkenan berucap ke Majlis Pelancaran Minggu Keselamatan Jalan Raya yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel & Country Club, Jerudong (kiri), sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

JERUDONG, Sabtu, 1 Disember. - Hari Memperingati Mangsa-Mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia merupakan inisiatif antarabangsa yang disambut pada setiap hari Ahad di minggu ketiga bulan November setiap tahun bagi

tujuan memperingati mangsa-mangsa lalu lintas jalan raya juga keluarga mereka yang turut terkesan akibat kemalangan jalan raya.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Minggu Keselamatan Jalan Raya sempena Hari

Memperingati Mangsa-Mangsa Kemalangan Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia bagi Tahun 2018 diserikan lagi dengan keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, selaku Penaung Diraja Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) Negara Brunei Darussalam.

Ke muka 9



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, selaku Penaung Diraja Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya berkenan menyampaikan Anugerah Penghargaan Sumbangan Program Keselamatan Jalan Raya kepada Syarikat-syarikat Swasta dan Agensi Berkepentingan, antaranya Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd.; Brunei Shell Marketing; Persatuan Insurans dan Takaful Brunei (BITA) dan Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA). Sebelum berangkat meninggalkan majlis, YTM berkenan menyaksikan Pameran Keselamatan Jalan Raya dan dijunjung bergambar ramai bersama Ahli-ahli MKKJR 2018. Keberangkatan YTM ke majlis tersebut membuktikan komitmen YTM dalam mendukung segala inisiatif peningkatan keselamatan jalan raya di negara ini. Inisiatif Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia memberikan peluang untuk menggariskan peranan pelbagai pihak yang terlibat seperti perkhidmatan perubatan dan kecemasan, penyelamat, sektor swasta, penyelidik dan akademia, juga masyarakat umum dalam menangani kesan dan akibat daripada kemalangan jalan raya. Pada tahun ini, Sambutan Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia membawa tema "Roads Have Stories" atau "Jalan Raya Mempunyai Cerita", yang mana dapat difahami bahawa jalan raya membawa pelbagai cerita, yang ada kalanya menyedihkan, tetapi perlu untuk kita sama-sama mengambil iktibar daripadanya. Dalam kesempatan ini, MKKJR Negara Brunei Darussalam menyeru kepada semua pengguna jalan raya supaya meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan juga perhatian penuh ketika berada di jalan raya dan sentiasa mengamalkan sikap memandu yang berhemah. Pemandu berhemah sentiasa mementingkan keselamatan, baik sebelum memandu ataupun semasa memandu. Semasa berada di jalan raya, seseorang pemandu hendaklah sentiasa mengamalkan sikap yang baik bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Dari muka 8

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel & Country Club, di sini, dijunjung oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, selaku Pengerusi MKKJR Negara Brunei Darussalam; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang

Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam, selaku Timbalan Pengerusi I MKKJR. Turut menjunjung keberangkatan YTM ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad, selaku Timbalan Pengerusi II MKKJR dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dr. Haji Supry bin Haji Awang Ladi, selaku Setiausaha MKKJR. Majlis pelancaran tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin

Khatib Dato Paduka Haji Awang Mustafa bin Haji Murad. Yang Berhormat Menteri Perhubungan dalam sembah alu-aluannya, antara lain menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Yang Teramat Mulia dan berkenan untuk seterusnya menyempurnakan majlis pelancaran tersebut. Pada majlis tersebut, YTM berkenan menyampaikan sabda dan seterusnya melancarkan Minggu Keselamatan Jalan Raya dan Pelancaran Kempen 'Tell Everyone'. Kempen tersebut memfokuskan kepada tujuh aspek keselamatan jalan raya,

iaitu menggunakan tali pinggang keledar ketika memandu; jangan menggunakan telefon bimbit semasa memandu; mematuhi had laju di jalan raya; jangan memandu di bawah pengaruh alkohol atau ubat-ubatan; menggunakan topi keledar dan pakaian yang bersesuaian bagi penunggang basikal dan motosikal semasa berada di jalan raya; berwaspada terhadap pengguna jalan raya yang terdedah seperti pelari dan pejalan kaki; dan memastikan keadaan tayar kenderaan sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. YTM seterusnya berkenan menyempurnakan Penyampaian



YANG Teramat Mulia berkenan menandatangani ikrar (pledging) untuk memandu dengan selamat (kiri), sementara gambar kanan, antara yang hadir pada Majlis Pelancaran Minggu Keselamatan Jalan Raya sempena Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia Tahun 2018.

MKKJR tubuh empat kumpulan tindakan hadapi cabaran



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof ketika menyampaikan sembah alu-aluan.

JERUDONG, Sabtu, 1 Disember. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof berkata, Majlis Pelancaran Minggu Keselamatan

Jalan Raya sempena Hari Memperingati Mangsa-mangsa Kemalangan Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia bagi Tahun 2018 menggambarkan usaha berterusan Negara Brunei Darussalam dalam mengangkat kepentingan isu keselamatan jalan raya. Tambah Yang Berhormat yang juga selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR), ini termasuk pelaksanaan inisiatif-inisiatif bagi mendukung pelan-pelan tindakan yang dikenal pasti di dalam "Blueprint Decade of Action for Road Safety 2011 - 2020". Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Pelancaran Minggu Keselamatan Jalan Raya sempena Hari Memperingati Mangsa-mangsa Kemalangan Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia bagi Tahun 2018 yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel & Country Club, di sini. Ke arah ini jelas Yang Berhormat, MKKJR terus aktif

mengorak langkah dengan perubahan dalam keahlian dan pendekatannya, yang mana sejak bulan Mac 2018, keahlian MKKJR dikemas kini dengan pengerusinya yang diangkat ke peringkat Menteri. Selain itu tambahnya, MKKJR juga dimantapkan keahliannya yang terdiri daripada beberapa agensi kerajaan di peringkat Setiausaha Tetap, sektor swasta, institusi pendidikan dan tiga orang Duta, iaitu Ambassadors MKKJR bagi mendukung usaha perbarigangan yang berterusan. Dalam hal ini ujarnya, MKKJR menubuhkan empat kumpulan tindakan yang saling melengkapi dalam pelaksanaan inisiatif masing-masing, iaitu Kumpulan Tindakan Media dan Perbarigangan; Kumpulan Tindakan Teknikal dan Infrastruktur; Kumpulan Tindakan Undang-undang dan Penguatkuasaan; dan Keempat, Kumpulan Tindakan Penyelidikan dan Perkembangan. Melalui pendekatan ini menurutnya, perkongsian maklumat, penyelarasan data dan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

dapat dimanfaatkan dan diselaraskan dengan sebaiknya, dalam merangka inisiatif baharu, mahupun juga dalam menghadapi cabaran yang sedia ada. "Pada tahun ini, terdapat pembaharuan yang dilaksanakan oleh MKKJR dengan sokongan padu pelbagai agensi untuk menyambut Hari Memperingati Mangsa-mangsa Lalu Lintas Jalan Raya Sedunia. Permuafakatan ini menggambarkan komitmen dan kefahaman kukuh bahawa keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama," jelasnya lagi. Dengan tema 'Jalan Raya Mempunyai Cerita' atau 'Roads Have Stories' tambahnya, sambutan pada tahun ini, menentang pelbagai aktiviti yang diusahakan oleh agensi-agensi kerajaan, swasta dan

pertubuhan bukan kerajaan. Menurutnya lagi, selain daripada aktiviti-aktiviti keagamaan seperti yang selazimnya diungkuhkan, satu pameran menampilkan pelbagai inisiatif dalam mendukung keselamatan jalan raya juga diadakan. Turut berjalan sepanjang minggu ini terangnya, adalah program-program perbarigangan, sesi latihan dan taklimat juga aktiviti riadah bagi menggalakkan penglibatan yang meluas daripada semua lapisan masyarakat. "Pada tahun ini, buat julung kalinya diadakan Penyampaian Anugerah Penghargaan kepada Penyumbang Utama Program Keselamatan Jalan Raya 2018. Anugerah ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pihak-pihak yang sentiasa memberikan sokongan kuat kepada program keselamatan jalan raya," jelasnya lagi.

Jaga keselamatan semasa di jalan raya



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet bersama para jemaah semasa hadir mendengarkan tazkirah bertajuk Jalan Raya Mempunyai Seribu Satu Cerita disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Nazirul Mubin bin Ahad pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkah yang berlangsung di Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Disember. - Jalan Raya mempunyai seribu satu cerita yang mana ia digunakan bersama bagi memudahkan perhubungan pelbagai peringkat lapisan masyarakat dalam melakukan aktiviti-aktiviti kehidupan seharian.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Nazirul Mubin bin Ahad semasa menyampaikan tazkirah bertajuk Jalan Raya Mempunyai Seribu

Satu Cerita bagi Program Masjidku Makmur, Negara Berkah yang berlangsung di Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin.

"Jalan raya adalah merupakan satu anugerah dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia untuk melakukan pelbagai perkara-perkara yang berkebaikan," jelasnya.

Tambahnya, jalan raya mempunyai tiga komponen utama, iaitu jalan raya itu sendiri, kenderaan yang dipandu dan pemandu.

"Daripada aspek berkenaan

pemandu memainkan peranan yang penting dalam memastikan keselamatan semasa berada di jalan raya akan sentiasa terjamin dengan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan," tambahnya.

Menurutnya lagi, agama Islam telah mengajarkan umatnya untuk memohon perlindungan daripada Allah sebelum memulakan sebarang perjalanan dengan membaca doa menaiki kenderaan dan seterusnya mengucapkan alhamdulillah sebagai tanda syukur setelah sampai ke destinasi

yang dituju.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkah pada minggu ini dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Perhubungan dengan sokongan Jabatan Perdana Menteri.

Di samping itu, program mingguan tersebut adalah untuk mengalu-alukan jemaah meningkatkan kehadiran bagi memakmurkan masjid dan seterusnya bersama-sama secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh

Berita dan Foto :
Mohamad Azmi Awang Damit

secara berjemaah pada awal waktu di masjid.

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menayakan program tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusoff; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

62 peratus kes HIV dikesan sejak 2014

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Ahad, 2 Disember. - Di rantau ASEAN, wabak HIV terus memberi kesan kepada kira-kira 1.7 juta orang.

Negara Brunei Darussalam tidak imun terhadap wabak ini.

Sejak kes HIV yang pertama dikesan pada tahun 1986, setakat ini sebanyak 245 kes telah dilaporkan dalam kalangan warganegara dan penduduk tetap.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa Majlis Simposium sempena Hari AIDS Sedunia 2018, yang berlangsung Bilik Kuliah Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD).

"Walaupun angka tidak begitu besar, apa yang lebih membimbangkan ialah 152 kes atau 62 peratus daripada semua kes HIV yang dikesan di Negara Brunei Darussalam telah berlaku sejak tahun 2014. Ini menunjukkan peningkatan keseluruhan dalam trend umum," jelas Yang Berhormat.

Menurutnya, terdapat 189 orang yang diketahui menghidapi HIV di negara ini dan sejumlah 56 orang yang menghidapi HIV telah meninggal dunia sejak 1986.

Data pengawasan di Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa amalan

seksual yang tidak selamat, mempunyai banyak pasangan seksual dan lelaki yang mempunyai hubungan seks dengan lelaki (MSM) diketahui berisiko tinggi memperoleh jangkitan HIV.

"Pada 2016, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin ASEAN yang lain menandatangani Pengisytiharan Komitmen ASEAN Mengenai HIV dan AIDS di Sidang Kemuncak ASEAN di Lao PDR. Perisytiharan ini memerlukan usaha bersepadu di peringkat kebangsaan dan serantau untuk mempercepatkan dan mengekalkan tindak balas terhadap HIV.

Untuk menyokong ini, Kementerian Kesihatan terus memastikan penyediaan penjagaan kesihatan percuma dan komprehensif kepada semua warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam selaras dengan prinsip perlindungan kesihatan sejagat. Ini termasuk semua aspek pencegahan, penjagaan, rawatan, dan sokongan untuk HIV," jelas Yang Berhormat.

Dalam hal ini, Yang Berhormat mencadangkan tiga langkah untuk pertimbangan sebagai tindak lanjut dari Simposium tersebut. Pertama, sebagai pengamal penjagaan kesihatan, respons mesti didorong

oleh bukti.

Menurut Yang Berhormat, kita memerlukan data yang lebih banyak dan lebih baik mengenai populasi utama yang terjejas dan berisiko tinggi bagi memastikan kita dapat mengatasinya dengan lebih berkesan dan UBD mempunyai peranan yang penting dalam aspek tersebut.

"Kedua, kita mesti mengukuhkan liputan, jangkauan dan kualiti untuk meneruskan pakej bersepadu bagi pencegahan, ujian, rawatan, penjagaan dan perkhidmatan sokongan. Campur tangan pencegahan harus disesuaikan mengikut kepelbagaian populasi utama yang terpengaruh dan memanfaatkan prinsip-prinsip Melayu Islam Beraja. Kita harus bekerja lebih rapat dengan rakan-rakan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memperbaiki keberkesanan program untuk mencapai dan mengekalkan hasil yang telah diteliti," ujar Yang Berhormat.

Yang ketiga, jelasnya, kita harus memperluas usaha untuk menyediakan persekitaran yang mendukung ke arah pengurangan stigma dan diskriminasi terhadap populasi yang terpengaruh kerana stigma tersebut membawa kepada pengasingan sosial, menjatuhkan harga diri, dan merosakkan kesihatan mental.

Objektif simposium tersebut adalah untuk mengemaskini maklumat kesihatan mengenai pencegahan, rawatan dan penjagaan HIV di Negara Brunei Darussalam; Untuk mengurangkan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar (kanan) semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang pembentang.

stigmatisasi 'Orang yang hidup dengan HIV' (PLWHIV) dalam sistem penjagaan kesihatan Brunei; dan mengadakan rangkaian dan komunikasi dengan pihak berkepentingan lain dalam kerja-kerja HIV dan AIDS di Negara Brunei Darussalam.

Kuliah ucapama disampaikan oleh Ketua Misi dan Wakil WHO ke Malaysia, Negara Brunei Darussalam dan Singapura, Dr. Ying-Ru Jacqueline Lo dengan tajuk Amalan Terbaik untuk Program HIV di peringkat rantau. Beberapa ceramah juga

diadakan sepanjang simposium tersebut yang disampaikan oleh penceramah jemputan dari National University Hospital (NUH), Singapura; Institut Sains Kesihatan PAPRSB, UBD; Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dan doktor-doktor dari Kementerian Kesihatan.

Seramai 300 peserta menghadiri simposium itu, terdiri daripada doktor, jururawat, profesional kesihatan bersekutu, pekerja perubatan sosial, pelajar perubatan, bio-perubatan, farmasi, jururawat dan pensyarah.

Sambutan Maulidur Rasul KHEDN

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

MADANG, Sabtu, 1 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1440 Hijrah / 2018 Masihi, bertempat di Dewan Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Madang / Manggis, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Majlis diisikan dengan Ceramah Khas bersempena dengan Sambutan Majlis Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bertajuk 'Qudwah Rasullullah', disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim.

Majlis kemudian diteruskan lagi dengan Persembahan Dikir Maulud daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1440 Hijrah / 2018 Masihi di Dewan Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Madang / Manggis.

Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Juga hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-

setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya, para pegawai dan kakitangan JIPK.



PERSEMBAHAN Dikir Maulud daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK).

Kem Hafazan didik belia dampingi Al-Quran

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Sabtu, 1 Disember. - Kem Hafazan 2018 yang bermula sejak 29 November lepas kini berakhir dengan majlis penutup berlangsung di Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lambak Kiri, di sini.

Aktiviti anjuran secara kolaborasi AJK Takmir dan Muslimah Masjid STKRJ Lambak Kiri, Masjid Kampung Bengkurong dan Al-Huffaz Management dengan Jabatan Hal Ehwal Masjid itu disertai oleh lebih 60 peserta belia yang menentang penglibatan mereka dalam Pertandingan Hafazan Surah Pilihan, iaitu Ar-Rahman dan As-Sajadah.

Johan Pertandingan Hafazan tersebut dimenangi oleh Nurul Afiah binti Lamit diikuti Haji Ahmad Abu Daud bin Haji Aji dan Nur Saidatul Laila Syafiqah binti Supin Saroy, masing-masing di tempat kedua dan ketiga.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Ketua Imam masjid tersebut, Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Zakaria selaku Pengerusi Bersama dalam alu-aluannya berkata, kem berkenaan adalah bagi menggalakkan para belia dan beliawanis mengisi masa lapang mereka dengan perkara atau aktiviti berfaedah dan berkebakikan, di samping mendidik mereka sentiasa mendampingi Al-Quran.

Beliau berharap para peserta akan terus mempraktikkan apa yang mereka pelajari dan melatarkannya ke surah-surah lain di dalam kitab suci Al-Quran.

Juga hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusoff; pegawai-pegawai Kanan KHEU serta para jemaah masjid tersebut.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (kanan) menyampaikan hadiah kepada Naib Johan, Awang Haji Ahmad Abu Daud bin Haji Aji.

60 Kadet sertai Perkampungan Agung Kadet Sekolah 2018



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohamed Jais bin Haji Abd. Rahman hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil Perkampungan Agung Kadet Sekolah Tahun 2018 (kanan dan kiri).



Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan

TUTONG, Sabtu, 1 Disember. - Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan dengan kerjasama Unit

Perkembangan Kadet Sekolah, Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam mengadakan Perkampungan Agung Kadet Sekolah Tahun 2018 selama tiga hari bermula 26 hingga

28 November lalu, bertempat di Bintudoh Greenspring Resort, Kampung Lamunin.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup dan Penyampian Sijil tersebut ialah Pemandu Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohamed Jais bin Haji Abd. Rahman.

Seramai 60 kadet terdiri daripada Kadet Sekolah Pasukan Bulan Sabit Merah Senegara menyertai perkampungan tersebut.

Antara perisian program termasuklah memahami nilai-nilai bulan sabit dan palang merah, ulang kaji kaedah pertolongan awal kecemasan, aktiviti sukan / rekreasi dan ceramah /

perbincangan secara berkumpulan juga permainan.

Tujuan perkampungan diadakan adalah untuk mendidik dan melahirkan belia berkualiti, dedikasi, berilmu pengetahuan dan mempunyai daya saing, di samping dapat mempelbagaikan kebolehan masing-masing bagi menuju ke arah pembentukan generasi belia berwawasan.

KSSUP rai Maulidur Rasul, pegawai bersara

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

Program Kem Ibadah platform lahirkan belia bertanggungjawab

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Disember. - Bagi memeriahkan Brunei December Festival (BDF) 2018 yang diadakan sempena cuti persekolahan, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah akan mengunggulkan Program Kem Ibadah (PKI) atau Muslim Youth Camp bermula 7 hingga 9 Disember ini.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali pada Sidang Media mengenai PKI yang diadakan di Dewan Dayasaing, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Menurutnya, seramai 100 belia dan beliawanis dari seluruh negara dijangka akan menyertai program tersebut yang akan diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong dengan pengisian berupa pelbagai aktiviti menarik antaranya Ceramah, Bengkel Motivasi, Kisah Benar, Latihan Dalam Kumpulan, Aktiviti Kesenian Islam, Aktiviti Sukan dan sebagainya.

Tahun ini merupakan kali kedua PKI diadakan sebagai sokongan kepada BDF 2018 anjuran Lembaga Pelancongan Brunei.

Kem Ibadah tersebut dihasratkan untuk menjadi platform bagi melahirkan belia yang mempunyai jati diri Muslim yang tulen dengan menerapkan sikap bertanggung-



PEMANGKU Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali dalam Sidang Media membarigakan mengenai Program Kem Ibadah (PKI) bagi memeriahkan Brunei December Festival (BDF) 2018.

jawab, berwawasan, prihatin dan berbakti kepada agama, raja, bangsa dan negara.

Di samping itu, kem berkenaan diharap dapat memberi pendedahan kepada peserta untuk lebih memahami dan memberi erti kepada kehidupan yang sebenar dalam mencari erti dalam diri.

Sebanyak 15 buah masjid di seluruh negara juga akan mengadakan PKI pada tarikh-tarikh tertentu di sepanjang bulan Disember dan sebarang pertanyaan mengenai-nya boleh menghubungi talian +673 2223277, Bahagian Ijarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Pekerja warga Filipina lari dari majikan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja asing yang dilaporkan hilang.

Melalui laporan yang dibuat di Balai Polis Berakas, pekerja perempuan, warga Republik Filipina, Marivic Enriquez Crisostomo, pemegang pasport EC8513623 dipercayai melarikan diri daripada majikan.

Orang ramai yang mengetahui sebarang maklumat mengenai-nya diminta untuk menghubungi Balai Polis Berakas melalui talian +673 2335333 dan talian kecemasan 993 atau mana-mana Balai Polis yang berdekatan.



WARGA Republik Filipina, Marivic Enriquez Crisostomo, pemegang pasport EC8513623 dipercayai melarikan diri dari majikan.

BERAKAS, Sabtu, 1 Disember. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan Majlis Sambutan Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1440 Hijrah bagi kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang diadakan di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP, Jalan Menteri Besar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Juga hadir sama Setiausaha Tetap, Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd. Ishak; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali dan Awang Abdul Halidi bin Mohd. Salleh; Ketua-ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan; pegawai-pegawai; dan para kakitangan KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Sufri Bolkiah, Awang Morni bin Haji Nayan.

Kemuncak majlis ialah Ceramah Khas yang disampaikan oleh Penceramah Undangan dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Pengarah Pusat Bahasa, Dr. Haji Hambali bin Haji Jaili.

Ceramah antara lain menyentuh mengenai beberapa peristiwa bersejarah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga melihat bagaimana keperluannya



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong (kiri) semasa menyampaikan Sijil Perkhidmatan kepada pesara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

untuk memperingati Maulidur Rasul.

Selain itu, pengajaran-pengajaran yang terdapat dalam peristiwa-peristiwa tersebut dapat diambil iktibar, di samping memohon keberkatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar segala amal kebajikan yang dilakukan mendapat ganjaran keberkatan Allah di dunia dan akhirat kelak.

Sejurus itu, majlis diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban oleh pasukan dikir

terdiri daripada para pegawai dan kakitangan KSSUP dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis juga turut diselenggarakan dengan Majlis Penyampaian Sijil Perkhidmatan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun 2016 / 2017 Masihi, yang mana seramai 58 pegawai dan kakitangan menerima Sijil Perkhidmatan masing-masing berserta cenderahati yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Suntik semangat belia terus aktif

Berita dan Foto : Ihsan Ajees Hamdan

TUTONG, Sabtu, 1 Disember. - Belia-beliawanis Masjid Pengiran Anak Haji Mohammad Alam, Kampung Sengkarai telah mengadakan muzakarah dan perjumpaan di masjid berkenaan.

Muzakarah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh salah seorang ahli belia masjid berkenaan, diikuti dengan ucapan ringkas daripada Ketua Belia, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Tegasnya, belia-belia masjid perlu menanamkan sifat kesukarelawanan dalam diri masing-masing tanpa mengira imbalan daripada apa yang telah dilakukan di samping mempunyai semangat kental dan penuh berwibawa yang akan melahirkan belia berkualiti untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 kerana para belia bakal pewaris masa hadapan.

Turut hadir, Bilal masjid berkenaan, Awang Padini

bin Ta'ai.

Acara muzakarah diikuti dengan penerangan mengenai peraturan dan syarat-syarat kemasukan menjadi ahli belia masjid yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Belia, Awang Mohamad Shariff bin Mohamad Khamis diikuti sesi soal jawab, suai kenal dan percambahan minda mengenai aktiviti yang akan dilaksanakan pada tahun 2019.

Muzakarah ini diharap dapat memberikan suntikan semangat kepada belia-beliawanis masjid berkenaan untuk terus maju dan bergiat aktif.



MUZAKARAH dan perjumpaan belia-beliawanis Masjid Pengiran Anak Haji Mohammad Alam Kampung Sengkarai.

BDF 2018 meriahkan negara, jadikan Brunei destinasi pilihan pelancong luar

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman, Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Disember. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong menjelaskan, Festival Disember Brunei (BDF) 2018 diadakan bagi menganjurkan pelbagai aktiviti untuk memeriahkan lagi Negara Brunei Darussalam (NBD) sepanjang bulan Disember.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan

Pelancongan yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pelancongan Brunei (LPB) menjelaskan perkara tersebut semasa ditemu bual Pelita Brunei pada Majlis Pelancaran BDF 2018 dan Kayuhan Basikal sempena BDF 2018 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, BDF 2018 bukan saja untuk kunjungan dan penyertaan daripada penduduk di negara ini, tetapi juga bagi pelancong dari luar negara yang ingin melancong ke NBD.

Dari segi penganjuran acara tambahan, sebanyak 40 pengendali acara menyertai acara BDF tahun lalu dan pada tahun ini telah bertambah menjadi 60 acara, yang mana menunjukkan sambutan yang menggalakkan dari segi penyertaan.

Menyentuh mengenai keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melancarkan BDF 2018, Yang Berhormat berkata, ia menunjukkan komitmen serta sokongan baginda dan semua pihak yang terlibat termasuk pihak kementerian dan swasta.

Yang Berhormat seterusnya berharap agar acara BDF 2018 ini akan dijadikan sebagai satu trend pada masa akan datang, iaitu menjadikan dan memilih NBD sebagai tempat untuk bercuti.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali selaku Setiausaha LPB semasa ditemu menjelaskan, acara tahun kedua BDF diadakan ini bertujuan untuk menjadikan Brunei sebagai destinasi pilihan dan menceriaikan bulan Disember dengan pelbagai aktiviti yang menarik.

Tambahnya, ia juga dihasrat untuk memberikan platform kepada belia-belia dan pengusaha kecil dan sederhana (PKS) untuk mengetengahkan hasil-hasil dan produk-produk yang boleh dijadikan sebagai satu acara dan, di samping itu memberikan mereka pengalaman untuk mengadakan pengendalian acara.

BDF juga jelasnya, bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat, yang mana pada kali ini beberapa pertandingan dan kejohanan diadakan, bukan sahaja di peringkat tempatan, malahan juga di peringkat antarabangsa.

Tambahnya, pelbagai aktiviti termasuk bahagian makanan, festival Islam, riadah sukan, keceriaan dan aktiviti-aktiviti sukan turut diadakan.

"Adalah diharapkan orang ramai



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali semasa ditemu bual Pelita Brunei.

akan dapat menyokong sepenuhnya acara ini, di mana pada tahun lepas kita dapat merekodkan lebih daripada 90,000 pengunjung dan peserta yang mengikuti dan datang ke acara-acara yang disusun," ujarnya lagi.

Daripada aspek masa akan datang katanya, mereka akan meneruskan usaha ini dengan menjemput lebih banyak lagi penyertaan bagi pengisian acara-acara yang menarik dan menjadikan Brunei sebagai destinasi pilihan pada masa akan datang, terutama pada bulan Disember.



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa ditemu bual Pelita Brunei.

TAP hulurkan sumbangan kepada anak-anak yatim



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mohd Amir Hairil bin Haji Mahmud (kiri) selaku ahli Lembaga TAP menyampaikan sumbangan BIBD kepada wakil Persatuan Orang-Orang Kurang Pendengaran pada Majlis Sambutan Hari Keluarga Tabung Amanah Pekerja.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

JERUDONG, Ahad, 2 Disember. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) hari ini menyampaikan sumbangan persediaan persekolahan daripada warga TAP dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) kepada anak-anak yatim dalam kalangan warga TAP dan anak-anak yatim di Kampung Jerudong.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud selaku ahli Lembaga TAP.

Tetamu kehormat seterusnya menyampaikan sumbangan BIBD kepada Persatuan Orang-Orang Kurang Pendengaran (OKP) Kebangsaan pada Majlis Sambutan Hari Keluarga TAP yang berlangsung di Jerudong Park Colonnade, Jerudong Park and Country Club.

Sambutan Hari Keluarga TAP bertujuan untuk memupuk semangat bekerjasama, perpaduan serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim bukan sahaja dalam kalangan warga kerja TAP bahkan juga di antara ahli-ahli keluarga mereka dengan melakukan bersama aktiviti senamrobik, walkaton, serta beberapa permainan keluarga.



SAMBUTAN Hari Keluarga Tabung Amanah Pekerja 2018 dimeriahkan dengan acara senamrobik, walkaton dan aktiviti keluarga dan permainan bertempat di Jerudong Park Colonnade, Jerudong Park and Country Club.

The Story of Lights meriahkan Jerudong Park

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Ahad, 2 Disember. - Suasana Taman Permainan Jerudong bermandikan cahaya lampu berwarna warni dengan bermulanya acara 'The Story of Lights' yang diadakan sempena Brunei December Festival (BDF) 2018.

'The Story of Lights' merupakan pameran cahaya yang pertama kali diadakan di sekitar Taman Permainan Jerudong bagi para pengunjung menikmati keseronokan kisah-kisah 'Aesop Fables' dalam setiap langkah mereka di taman tersebut.

Di pintu masuk, pengunjung akan melalui terowong cahaya yang membawa mereka kepada pameran buku terbuka yang menyerlahkan lima kisah dongeng Aesop iaitu The Lion and The Mouse; The Peacock and The Crane; The Tortoise and The Hare; The Ants dan The Grasshopper dan The Fox and The Goat.

Kisah-kisah dongeng Aesop juga dapat ditemui di sekitar kawasan laguna, Double Carousel dan kawasan permainan kanak-kanak.

Kanak-kanak digalakkan untuk membaca dan mengetahui lebih lanjut mengenai kisah-kisah dongeng tersebut agar dapat mengambil pengajaran untuk kehidupan yang lebih baik, di samping merangsang imaginasi kanak-kanak untuk meneroka dan menemui dunia buku ajaib.

Antara aktiviti-aktiviti yang dianjurkan di Jerudong Park pada bulan Disember ini termasuk Malam Tayangan Filem, 'Animals in the Park' dan permainan-permainan Interaktif.

'Animals in the Park' kembali dengan suasana kawasan yang lebih luas untuk haiwan baru seperti Black Palm Civets, Geckos, Falcon dan sebagainya.

Sementara itu, Malam Tayangan Filem Jerudong Park (JP Movie Night) juga akan diadakan pada 8, 22 dan 29 Disember nanti yang akan mengambil tempat di Taman Jerudong Park Colonnade.

Orang ramai digalakkan untuk membawa keperluan seperti selimut, tikar atau bantal bagi keselesaan masing-masing semasa menonton tayangan filem dan judul filem yang akan disiarkan pada JP Movie Night juga boleh diketahui di media sosial Jerudong Park.

Jerudong Park menyediakan pelbagai tawaran menarik kepada para pengunjung sepanjang bulan Disember ini, iaitu Tawaran Combo, Yellow Combo atau Entrance Combo Deal dengan harga BND16 termasuk permainan-permainan interaktif,

'Animals in the Park' dan 'The Story of Lights'.

Manakala untuk menikmati semua permainan, Waterpark, 'The Story of Lights', 'Animals in the Park' termasuk permainan-permainan interaktif, para pengunjung boleh mendapatkan 'Grey Combo Deal' dengan harga BND27 untuk dewasa dan BND21 untuk kanak-kanak.

Bagi pengunjung yang telah membeli tiket sebelum bulan Disember, pihak Jerudong Park memaklumkan agar membeli tiket tambahan bagi menikmati 'The Story of Lights' dan 'Animals in the Park'.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai tawaran-tawaran terkini Jerudong Park, bolehlah mengikuti Instagram dan Facebook Jerudong Park.



TEROWONG cahaya yang menampilkan lima kisah dongeng Aesop untuk para pengunjung.



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

1. JAWATAN :
PENGAWAL KESELAMATAN BERGAJI HARI

2. KEMENTERIAN / JABATAN :
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

3. BAHAGIAN :
KELAB PERKHIDMATAN AWAM

4. TANGGA GAJI : BND24.00 SEHARI

5. KEKOSONGAN : 1 ORANG

6. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

a) MESTILAH terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

b) i) Empat (4) Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.

ATAU

ii) Pernah berkhidmat dengan kerajaan atau dengan Pasukan Keselamatan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Polis Diraja Brunei (PDB) dan sebagainya tidak kurang daripada lima (5) tahun.

Calon-calon yang terdiri daripada bekas anggota keselamatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih daripada kesalahan disiplin dan jenayah bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dan mengemukakan nama dua (2) orang *referral* yang dikenali lebih lima (5) tahun.

c) Hendaklah berusia 25 tahun dan tidak melebihi 45 tahun.

7. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

a) Menjaga keselamatan ahli kelab, kakitangan dan orang ramai dalam kawasan yang dikawal.

b) Menjaga kawasan daripada dicerobohi serta mengelak daripada berlakunya sebarang jenayah dalam kawasan yang dikawal.

c) Menjaga pintu keluar dan masuk laluan utama dan pintu-pintu masuk yang lain.

d) Menjalankan rondaan rutin setiap 30 minit sekali dan bila-bila masa diperlukan.

e) Menghasilkan laporan rondaan atau kejadian ke dalam Buku Siang Malam.

f) Melaporkan kejadian yang mencurigakan kepada Pengurus.

g) Melaporkan kehilangan peralatan, perkakas dan perabot kepada Pengurus secara lisan dan bertulis.

h) Memastikan dan memeriksa semua asset kekal, harta benda mudah alih kelab dalam jumlah yang cukup dan

lengkap.

i) Melaksanakan lain-lain tugas berhubung kait dengan pemeliharaan, keselamatan kelab dan harta benda.

j) Memastikan Peraturan kelab dipatuhi oleh ahli kelab.

k) Menegur ahli kelab mengenai tingkah laku yang tidak sopan dan tidak sesuai.

l) Menjadi penyelamat awal (*first line support*) jika terjadi sebarang kemalangan, kecederaan atau kecemasan dalam kawasan kelab.

m) Mengawas keadaan semasa berlangsungnya aktiviti kelab.

n) Mengiringi pelawat atau kontraktor yang membuat tinjauan, lawatan atau kerja-kerja pemeliharaan dan baik pulih.

o) Memastikan kunci-kunci bilik yang terdapat di kelab diselia dan ditadbir dengan baik dan memuaskan.

p) Melaksanakan tugas-tugas kawalan trafik di kawasan yang dikawal semasa aktiviti kelab dijalankan.

q) Menyelamatkan orang atau benda dalam kawasan kawalannya sewaktu kejadian kecemasan (*emergency*).

r) Menjalankan sebarang tugas-tugas lain yang berkaitan dengan keselamatan serta membantu Pengawal Keselamatan atau mana-mana anggota Keselamatan yang lain menjalankan tugas-tugas mereka apabila diperlukan.

s) Bersedia menjalankan tugas yang diarahkan oleh Pengurus atau Pegawai Atasan dari semasa ke semasa.

8. KRITERIA :

a) Sihat fizikal dan mental.

b) Berfikiran positif.

c) Berpenampilan kemas.

d) Jujur dan amanah.

e) Menepati dan menghormati waktu-waktu bekerja.

f) Berdisiplin tinggi.

g) Tegass dan berpendirian.

h) Tidak mempunyai rekod jenayah.

i) Faham tugas dan tanggungjawab.

Permohonan hendaklah dihadapkan berserta dengan *Curriculum Vitae* (CV), salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kelulusan kepada :

Pengarah Pembangunan Dan Pengurusan Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Awam Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup : **Selasa, 18 Disember 2018, jam 12.00 Tengah Hari.**



PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

TAWARAN SEBUT HARGA :
JPN / K / 1 / 11 / TT / 2018 / 26

TAWARAN SEBUT HARGA BAGI MEMBEKALKAN ALMARI KABINET JENIS 'CUBE' BAGI KEGUNAAN 'CUBE RENTAL SERVICES' DI PEJABAT PEGUAM NEGARA

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat II, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA1910, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

2. Semua tawaran hendaklah dikirim dengan sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menunjukkan sebarang identiti pemborong dan bahagian atas sampul surat hendaklah dituliskan dengan label nama **TAWARAN SEBUT HARGA BAGI MEMBEKALKAN ALMARI KABINET JENIS 'CUBE' BAGI KEGUNAAN 'CUBE RENTAL SERVICES' DI PEJABAT PEGUAM NEGARA**

3. Para penender adalah dikehendaki untuk membekalkan perabot-perabot seperti di bawah :

i. 36 kotak slot penyimpanan makanan (*cube*) berukuran sekurang-kurangnya **2.0 kaki lebar dan 1.5 inci tinggi (2.0 ft x 1.5 inch)**

ii. Sebuah meja berukuran **4 x 2 kaki (4 x 2 ft)**

4. Para penender hendaklah menghadapkan tawaran sebut harga ini tidak lewat dari jam **2.00 Petang** pada **SELASA, 11 Disember 2018** dan tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Para penender yang berhasrat menyertai tawaran ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh dari Pejabat Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah.

6. Semua tawaran yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang beralamat :

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Tingkat II Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA1910 Negara Brunei Darussalam.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Syarat-syarat untuk mengikuti tawaran kerja sebut harga adalah seperti berikut :

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Sebahagian tawaran hendaklah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, menurut kelas-kelas dan kategori-kategori tertentu di Negara Brunei Darussalam sahaja, sepertimana yang dinyatakan di dalam iklan tawaran.

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang tercetak oleh kementerian ini dan penerangan lanjut bagi mengikuti sebut harga bolehlah datang terus ke **Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Blok 'A', Bangunan Perdagangan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwat Ugama, Jalan Kata Batu, BD1517, Negara Brunei Darussalam.**

3. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Kotak Sebut Harga, Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Kementerian Hal Ehwat Ugama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.**

Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

(1)
BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 279 / 2018

TAJUK :
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PORTABLE AIRCOND 1.5 HP BAGI KEPERLUAN UNIT PERKHIDMATAN ELEKTRIK DAN AIR, BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

TARIKH TUTUP :
RABU, 12 DISEMBER 2018, 2.00 PETANG

YURAN :
(TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)



JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

BIL. TAWARAN :
(2) JBS / ADM / TDR / 7 / 2018

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Tingkat 1
(Ruang Masuk / Penyambut Tetamu)
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336 - 17, Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan, BA1211
Negara Brunei Darussalam.

PETI TAWARAN (BERWARNA BIRU)

TAWARAN IKLAN BAGI PENYEDIAAN MAKAN DAN MINUM SEMPERNA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN YANG KE-35 TAHUN 2019 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (2) JBS / ADM / TDR / 7 / 2018

TAWARAN IKLAN BAGI FIVE YEARS (5) TERM CONTRACT RENTAL FITNESS CENTRE AND CAFÉ AT MUMONG SPORTS COMPLEX, KUALA BELAIT (1) JBS / ADM / TDR / 8 / 2018

Tarikh Tutup :
10 Rabiulakhir 1439 bersamaan 18 Disember 2018 (Selasa)

Jam :
tidak lewat jam 2.00 Petang

Cagaran :
BND5.00 (untuk setiap satu dokumen - tidak dikembalikan)

PERINGATAN :
SILA BAWA SALINAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN (BAB 16), SECTION 17) DAN SIJIL RAMPAIAN

DOKUMEN-dokumen dan penerangan- penerangan yang lanjut boleh diperolehi di :

Bahagian Unit Hasil Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan Berakas, BA1211 Negara Brunei Darussalam.

WAKTU MENERIMA BAYARAN :
Isnin hingga Khamis 8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi Sabtu 8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi



**JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**SYARAT-SYARAT PANDUAN DAN
MAKLUMAT TAWARAN
SEBUT HARGA**

TARIKH TUTUP TAWARAN :
Rabu, 5 Disember 2018
Jam : 2.00 Petang

SYARAT-syarat untuk mengikuti tawaran kerja sebut harga adalah seperti berikut :

1. Tawaran hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. .

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang tercetak oleh Kementerian ini dan borang tersebut bolehlah diambil di **Tingkat 1, Bahagian Idarah (Pentadbiran), Jabatan Hal Ehwal Masjid, Simpang 15, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

3. Borang-borang tawaran sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan dihantar / dimasukkan ke alamat di bawah ini dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran 16 dan 17 dan sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal dan memasukkannya ke dalam

sampul surat yang bertutup (*sealed envelope*) dengan menulis pada bahagian depan sampul surat dengan jelas tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti pemborong atau syarikat seperti berikut :

Kepada :
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Peti Sebut Harga Kementerian Hal Ehwal
Agama
Tingkat 1, Bahagian Kewangan
Kementerian Hal Ehwal UGAMA
Jalan Menteri Besar
Negara Brunei Darussalam.**

Bilangan Sebut Harga :
JHEM / R / SBH / 01 / 11 / 18

Tajuk Sebut Harga :
**MEMBASMI KELAWAR DAN
MEMBERSIHKAN KOTORAN NAJIS
KELAWAR DI BANGUNAN JABATAN
HAL EHWAL MASJID, KHEU**

Tarikh Tutup :
Rabu, 5 Disember 2018
jam 2.00 Petang

Para pender adalah disaran untuk mendapatkan syarat dan maklumat penuh di tempat mengambil borang tawaran.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II) dan Sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17.

- Kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan dalam kategori Perkhidmatan (E & P), iaitu P05, E01 dan E03.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tajuk Tawaran :
**TO SUPPLY, INSTALL AND
COMMISSIONING OF CONDENSER
COIL FOR YORK CHILLER UNIT NO.
10 AT 3 GATES EXPANSION CHILLER
YARD, BRUNEI INTERNATIONAL
AIRPORT**

Bilangan tawaran :
JPA / AME / 2019-2020 / 05

Tarikh iklan / mengambil :
**Bermula Rabu, 28 November 2018
selama empat (4) minggu**

Tarikh terakhir mengambil
dokumen tawaran :
**Isnin, 7 Januari 2019
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

Tarikh tutup tawaran :
Selasa, 8 Januari 2018

Kepada :
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
d/a Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian Perhubungan**

**Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, d/a. Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perhubungan, Jalan Menteri Besar tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 8 Januari 2018.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang :
<http://www.civil-aviation.gov.bn>

5. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam** dengan membayar yuran dokumen sebanyak **BND100.00 (hardcopy) serta BND5.00 (softcopy) - tidak dikembalikan** bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
dan
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi**

6. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

8. Sesi taklimat tawaran (*briefing*) seterusnya lawatan ke tapak (*site visit*) bagi tawaran diadakan seperti berikut :

Pada : **20 Disember 2018 (Khamis).**
Jam : **8.00 Pagi**
Tempat berkumpul :
**Dewan Serbaguna
Bangunan Kejuruteraan
Dan Pemeliharaan Aset (AME)
Jabatan Penerbangan Awam
Negara Brunei Darussalam.**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM
KELAS : IV & V SAHAJA
KATEGORI : [KA01]**

**TARIKH MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
28 NOVEMBER 2018 (RABU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
18 DISEMBER 2018 (SELASA)
JAM 3.30 PETANG**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
8 JANUARI 2019 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

BILANGAN :
JKR / DOR / SRM 25 / 2018

NAMA PROJEK :
**KERJA-KERJA MENAIK TARAF
JALAN KELUAR MASUK BAGI
SEKOLAH MENENGAH PG. ISTERI
HJH. MARIAM, SERASA**

YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN : TIDAK ADA

(2)

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERKELAYAKAN DAN BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM
KELAS : II & III SAHAJA
KATEGORI : KA01 & KPB11 SAHAJA
- KOD BAHARU**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
11 DISEMBER 2018 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP :
18 DISEMBER 2018 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

BILANGAN :
JKR / DTS / 37 / STE / 2018 - T / II
NAMA PROJEK :
**KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH
STRUKTUR BANGUNAN SEKOLAH
RENDAH BENDAHARA LAMA
NO. PROJEK : -**

YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -

(3)

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERKELAYAKAN DAN BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM
KELAS : II & III SAHAJA
KATEGORI : KA01 & KPB11 SAHAJA
- KOD BAHARU**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
11 DISEMBER 2018 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP :
18 DISEMBER 2018 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

BILANGAN :
JKR / DTS / 38 / STE / 2018 - T / II
NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH

**STRUKTUR BANGUNAN SEKOLAH
RENDAH HJ. TARIF
NO. PROJEK : -**

YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -

(4)

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERKELAYAKAN DAN BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN DI DALAM
KELAS : VI SAHAJA
KATEGORI : B01 SAHAJA
- KOD BAHARU**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
11 DISEMBER 2018 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP :
18 DISEMBER 2018 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG**

BILANGAN :
JKR / DTS / 39 / CQS / 2018 - T / VI
NAMA PROJEK :
**PEMBANGUNAN SEMULA
KAMPONG AYER
NO. PROJEK : -**

YURAN TAWARAN : BND5,000.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -

(5)

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : IV, V
& VI SAHAJA
KATEGORI : KA01 SAHAJA**

**Tarikh akhir mengambil
dokumen tawaran :
Selasa, 11 Disember 2018**

**Tarikh Tutup :
Selasa, 8 Januari 2018
jam 2.00 Petang**

BILANGAN :
JKR / DBSKB 012 / 2018
Nama Projek :
**MENANGANI BENCANA ALAM
DAN WABAK PENYAKIT
BERJANGKIT (PENCEGAHAN
BANJIR) - SALURAN KELUAR DI
LUMUT DAN SUNGAI LIANG
No. Projek : 2018 ADKB / KEW-07**

YURAN TAWARAN : BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH invited interested parties to submit their tenders for the following projects :

Title :

1. DESIGN AND BUILD FOR PROPOSED NEW HOUSES IN BRUNEI MUARA DISTRICT OF YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH (YSHHB) HOUSING SCHEME

Tender Reference :
YSHHB / 008 / 9-BM TENDER / 2018

2. DESIGN AND BUILD FOR PROPOSED NEW HOUSES IN TUTONG DISTRICT OF YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH (YSHHB) HOUSING SCHEME

Tender Reference :
YSHHB / 008 / 9-TUT TENDER / 2018

3. DESIGN AND BUILD FOR PROPOSED NEW HOUSES IN TEMBURONG DISTRICT OF YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH (YSHHB) HOUSING SCHEME

Tender Reference :
YSHHB / 008 / 9-TEM TENDER / 2018

Tender to be received from class :
CLASS III (and above)

Project Completion Period :
Twelve (12) months

Collection of Tender Document Commencing Date and address :
Thursday, 15 November 2018 from 8.30 A.M.

YSHHB HEADQUARTERS
Jalan Perdana Menteri

Bandar Seri Begawan, BA1511
Negara Brunei Darussalam.

Documentation Fee :
BND50.00 (Non-refundable) of each Tender / District

Tender Deposit :
BND500.00 (Refundable) of each Tender / District

Tender Briefing :
Tuesday, 4 December 2018 at 9.00 A.M.

Tender Closing Date :
Tuesday, 15 January 2019

Tender document submission (in a sealed envelope with the Project Title and reference) to :

THE CHAIRMAN
TENDER COMMITTEE
YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
JALAN PERDANA MENTERI
BANDAR SERI BEGAWAN, BA1511
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

The documents must be placed in the "Tender Box" located at Ground Floor of Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Headquarters, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan **NOT LATER THAN TUESDAY, 15 JANUARY 2019, 10.00 A.M.**

For more information :
Sufinah binti Haji Sulaiman /
Mohd. Alli bin Haji Othman
at +673 2234085 / 7 / 8 extension 172
(during office hours)

This advertisement does not constitute an offer from YSHHB and is subject to the terms and conditions contained in the information documents. YSHHB reserves the right to accept or reject any tender without disclosing any reason whatsoever and will not be obligated to accept the lowest offer. In these circumstances, YSHHB shall not be liable for any cost incurred in participating in this Invitation To Tender.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

JAWATAN KOSONG
DI KOMANWEL SEKRETARIAT, LONDON

Jawatan :

- a) Assistant Programmes Officer - Asia Region Young Professionals Programme
- b) Assistant Programmes Officer - Pacific Region Young Professionals Programme
- c) Assistant Programmes Officer - Caribbean Region Young Professionals Programme

Tarikh tutup : 3 Disember 2018

Untuk makluman, permohonan berserta butir peribadi hendaklah dihadapkan terus ke Human Resources, Sekretariat Komanwel melalui laman sesawang :
<http://thecommonwealth.org/jobs>

JAWATAN KOSONG DI PEJABAT UNITED NATIONS ENTITY FOR GENDER EQUALITY AND THE EMPOWERMENT OF WOMAN (UN WOMEN), NEW YORK

Jawatan :

Deputy Executive Director - Resource Management Sustainability and Partnership
di peringkat Assistant Secretary General

Tarikh tutup : 12 Disember 2018

Semua pemohon yang berminat hendaklah memohon terus melalui recruitment.asg@unwomen.org.

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut, sila layari laman sesawang :
<http://www.unwomen.org>

JAWATAN KOSONG
UNDER-SECRETARY-GENERAL
BERPUSAT DI BEIRUT, LEBANON

Jawatan :

Executive Secretary of the Economic and Social Commission for Western Asia (ESCW)

Tarikh tutup : 12 Disember 2018

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut, sila layari laman sesawang : <http://www.unescwa.org>

JAWATAN KOSONG
DI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB)

Jawatan kosong :

2018 Young Professionals Programme (United Nations Secretariat)

THE UN Young Professionals Programme (YPP) ialah ujian kemasukan bagi bakal professional muda untuk memulakan karier sebagai penjawat awam antarabangsa di dalam Sekretariat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Pada tahun 2018, Negara Brunei Darussalam termasuk daripada 65 negara Ahli PBB dijemput bagi menyertai YPP.

Pada 2018, ujian kemasukan akan diadakan secara *online* dan meliputi rangkaian-rangkaian kerja berikut :

D) Security Affairs

Warganegara Brunei Darussalam yang mempunyai kelulusan peringkat Sarjana Muda atau sekurang-kurangnya kelulusan peringkat ijazah tiga (3) tahun pengajian sebanding dengannya yang relevan pada bidang tersebut di atas, berumur 32 tahun atau ke bawah; fasih berbahasa Inggeris dan / atau Perancis adalah sangat digalakkan untuk memohon.

Permohonan-permohonan akan diterima oleh Sekretariat PBB bermula dari **25 Oktober** hingga **23 Disember 2018** melalui *online recruitment platform* : careers.un.org

Bagi maklumat lanjut mengenai 2018 Young Professionals Programme, sila layari laman sesawang : careers.un.org/ypp dan mengikuti sosial media UN Careers.



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA
(TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN

JEMPUTAN UNTUK MEMBERI TAWARAN

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA
(TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)
DAN PERINDUSTRIAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PDP / 003 / 2018

TAJUK :
REINFORCEMENT OF 11KV NETWORK FROM MANGGIS 66/11KV S/S TO SPG 564 SUBOK MIS AND MANGKUBAU HOUSING 66/11KV S/S

YURAN TAWARAN :
BND1,000.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

TARIKH TUTUP :
18 Disember 2018 / Selasa
(jam 2.00 Petang)

TEMPAT TUTUP :
'PETI TAWARAN'

PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN TENAGA
(TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)
DAN PERINDUSTRIAN
B2, BANGUNAN JABATAN
PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

KELAYAKAN : **PEMBORONG YANG BERDAFTAR** **DI** **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN. KELAS III, IV ATAU V, KATEGORI E02, E03 ATAU E05**

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Kaunter Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Airport Lama Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

PERHATIAN :
Sila sertakan 'BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17' dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD) dengan Kelas dan Kategori tersebut semasa mengambil dokumen ini di Kaunter Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

سروراهي

حُسْنُ الْخَاتِمَةِ

تفسير:

مك سيباق يغب برتوبه بسوده اي ملاكوكن كحاهن ايت دان مغربايكي ديري مك سسغوكهن الله منبرما توبن. سسغوكهن الله مها فقأمون لايكي مها فقاسيه.

ربوغكته واهي قوم مسلين، براف زامي اورغ يغب كيت كئل تله منموي اجل مريك سجارا تيبا ۲ اتو دالم كادان يغب تيدق دسغكا اتو ددوكتا سفرت ترباكر، لس، كتيك برسوكن، كتيك ماكن، كتيك تيدور، كتيك اوسيا ماسيه مودا، كتيك صيحه دان تيدق كورغ جوك اد يغب منموي اجل مريك بلوم سمقت برتوبه دري ملاكوكن فركارا ۲ معصيه. اوله ايت، كادان يغب مان ساتوكه يغب كيت هارغكن ساكي فقأخيران هيدوف كيت؟.

سسغوكهن هيدوف دنيا اين هابله سميتارا. جاعله كيت لايكي دغش دنيا، ليكا دغش كسفن يغب اد تفقا ميغككن عمل دان تقوي كيت كئل الله سبحانه وتعالى اتوق بكل دهاري اخيره كلق. ايغتله، اجل فسني دانغ تفقا مغرا وقت، تفقا مغرا كادان، اوسيا دان جوك دمان كيت براد. اوله يغب دمكين، براوسهاله اتوق منجادي اومه اسلام يغب فر برلمان دان برتقوي دغش مندكتنك ديري كئل الله سبحانه وتعالى، ملقساكن سوروهن دغش سمفورنا. سام-سامله كيت بردهاء سموك كسودهن هيدوف كيت نئي اداله دالم كولوغن حسن الخاتمة يايست ماني دالم كادان يغب بايك دان برلمان، ديري كسفن برتوبه سلوم منموي كمانين، مندافة رحمة كتيك مفهادي كمانين، كامفون سلفس كمانين، مندافة كهيكان فد هاري فرهينوغش (هاري اخيره) دان ترلفس درقد سيقسان دان عذاب اي تراك سرت دماسوقن كدالم شرك برسام فارا نبي، اورغ ۲ صديقين، فارا شهداء دان اورغ ۲ صالح. امين يا رب العالمين.

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّقَاتُ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

فَمَنْ رُحِرَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ

وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْفُرُورِ

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

{ سورة آل عمران آية : ۱۸۵ }

تفسير:

ستيف يغب برهاوا اكن مراسي ماني، دان سسغوكهن فد هاري قيامه مهاجله اكن دمفورناكن بالنن كامو. اوله ايت، سيباق يغب دهيندركن درقد تراك دان دماسوقن كدالم شرك مك سسغوكهن دي تله برجاى. دان تبادل كهيوفن دنيا ملايكن هابله كسفن يغب مفردايباكن.

بارك الله لنا في القرآان العظيم، ونفعنا بالآيات والذكر الحكيم. وتقبل منا تلاوته إنه هو السميع العليم. وأستغفر الله العظيم لي ولكم ولسائر المسلمين والمسلمات والمؤمنين والمؤمنات فاستغفروه فبما فوز المستغفرين وبإجابة التائبين.

اوله يغب دمكين، باكي اورغ يغب فر برلمان، مريك اكن براس كرون، كسفن دان بسبع دغش فقأخيران كهيوفن مريك سماد ترماسوق دالم كولوغن حسن الخاتمة اتوقن سوء الخاتمة. اوله ايت، هاني مريك ستياي تردورغ دان ترقتكل اتوق ملاكوكن عمل صالح، استقامه دالم متحللكي قريسته الله سبحانه وتعالى دان متجاوي سكل لارغش. مريك قنوه برهاري اكر ترماسوق كدالم كولوغن يغب الله سبحانه وتعالى سبوتكن دالم القراءن يايست سورة آل عمران آية ۱۰۲:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

يٰۤأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ

وَلَا تُؤْمِنُوا إِلَّا بِمَا نُنزِّلُ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ ؕ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

تفسير:

واهي اورغ ۲ يغب برلمان، برتقوي له كئل الله دغش سبتر-سبتر تقوي دان جاعله ساكي-كالي كامو ماني ملايكن دالم كادان برآكام اسلام.

تردافة براف جارا اتوق مندكتنك حسن الخاتمة ايت، اتارا اذاله:

قرتام: ملاكوكن كطاعتين دان كتفوان كئل الله سبحانه وتعالى دان ميغكلكن سكل لارغش .

كدوا: ستياي سموهون دعاء كئل الله سبحانه وتعالى دغش برسغوده ۲ اكر فقأخيران كهيوفن كيت دالم كادان برلمان دان برتقوي. اتارا دعاء يغب سايباكن كيت عملكن اياله سفرت دعاء يغب سريع كيت باج سلفس سمبيغ، يايست:

رَبَّنَا فَاعْفُرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَقَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ

تفسير:

يا توهن كامو! امقونكته باكي كامو دوسا ۲ كامو، هاتوسكله كساغن ۲ كامو دان ماتيكته كامو برسام اورغ ۲ يغب برلمان دغش سبتر-سبتر لايكي طاعة (نبي) دان اورغ ۲ يغب صالح.

كتيك: ستياي براوسها ميايكي ديري سماد ظاهر اتو باطن، دمقيغ منجارك هوبوغن كيت دغش الله سبحانه وتعالى دان جوك هوبوغن كيت سسام مخلوق الله سبحانه وتعالى. دغش، كيت اكن ستياي مندافة رحمة دان هدايه الله سبحانه وتعالى.

كامئة: هندقله ستياي برتوبه، ميسالي دان مغانصافي سكل كسيلاقن سرت برعزم اتوق تيدق اكن مغاولغي لايكي كساغن يغب دلاكوكن. سسغوكهن الله سبحانه وتعالى ايت مها قبايغ، مها فقأمون لايكي مها فقاسيه، ستياي همريكن همبا-همبان قلوغ اتوق ممقرايكي ديري سنديري. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة المائدة آية ۳۹:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

فَمَنْ تَابَ مِنْ بَعْدِ ظُلْمِهِ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ اللَّهَ يَتُوبُ عَلَيْهِ

إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَّحِيمٌ ؕ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

مسلمين يغب درحمتي الله،

برتقوي له كيت كئل الله سبحانه وتعالى دغش سبتر-سبتر تقوي. سسغوكهن اورغ يغب قايغ مليا ديسي الله سبحانه وتعالى اياله اورغ يغب قايغ برتقوي. مدهمدهن كيت منجادي انسان يغب ستياي مغايغاني الله سبحانه وتعالى دان ملقساكن سكل سوروهن دان ميغكلكن سكل لارغش سرت بروله كحيان دان كسلامن دنيا سرت داخيره.

مسلمين يغب درحمتي الله،

ستيف يغب برهاوا فسني اكن مراسي ماني. ماني برمقصود ترقتوتوسن هوبوغن اتارا روح دان جسد دان اي اداله ديق قرمولان منوجو كعالم اخيره. ماني اداله كسنوان الله سبحانه وتعالى يغب فسني ترجادي دان كيت تيدق دافة لاري درقدان، تيدق كيرا دمال فون كيت براد اتو برسويي سماد كيت برسديا ماهوقون تيدق بمك اي فسني اكن دانغ. سسغوكهن الله سبحانه وتعالى تله منموي اجل سسورغ سحن دري عزلي لايكي. اقبيل سوده سمقي وفن اي تيدق اكن دافة درجكتنك اتو دليواتنك والوقون سساعة. الله سبحانه وتعالى برفرمان دالم سورة الأعراف آية ۳۴:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْجِرُونَ سَاعَةً

وَلَا يَسْتَفْتِدُونَ

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ

تفسير:

دان باكي تيف ۲ اومه يغب مندوستاكن رسول ۲ مريك ايت اد اجل (باتس وقت كيسانان يغب تله دتفتكن) مك اقبيل دانغ اجل مريك ايت تيدقه دافة مريك اوندوركن (كمودينكن) والو سساعة فون دان تيدق دافة فول مريك دهولوكن.

مسلمين يغب درحمتي الله،

ساكي اومه اسلام سوده سنتون كيت برهاري اكر كيت دماتينك دالم كادان حسش الخاتمة دان بوكن دالم كادان سوء الخاتمة. حسن الخاتمة برمقصود براخون كهيوفن ماسي دنيا اين دغش كسودهن يغب بايك يايست ماني دالم ايمان، متكل سوء الخاتمة فول برمقصود براخون كهيوفن ماسي دغش كسودهن يغب بوروق يايست ماني دلوار ايمان. كتهويه، كادان كمانين كيت بركتنوغ كئل عمالن يغب كيت لاكوكن دسقنغ كهيوفن كيت. رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا:

عَنْ سَهْلِ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: وَإِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالْحَوَائِمِ { رواه الإمام البخارى }

مقصود:

درقد سهل، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا: دان سسغوكهن عملن ايت بركتنوغ دغش فنوتوفن.

Nikmati pelbagai cita rasa makanan Singapura



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah melancarkan Festival Makanan Singapura (kanan), sementara gambar kiri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew melihat lebih dekat makanan yang disajikan pada Festival Makanan Singapura.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Disember. - Bersempena Brunei December Festival (BDF) 2018, Royal Brunei Catering (RBC) melalui Horizons Seafood Restaurant membawa kembali Festival Makanan Singapura dan kali ini menawarkan lebih banyak masakan kulineri daripada cef yang dijemput khas dari Republik Singapura.

Dengan kerjasama Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Lembaga Pelancongan Singapura dan Bank Baiduri Berhad, Festival Makanan Singapura kali ini

memperkenalkan menu-menu masakan Restoran Hajah Maimunah, iaitu salah sebuah restoran terkenal di Singapura.

Pelancaran festival tersebut disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berlangsung di Horizons Seafood Restaurant, di sini.

Pengarah Urusan RBC, Awang Haji Jeff Hadiman bin Dato Paduka Haji Danial dalam ucapannya menjelaskan, ini

merupakan kali kedua RBC menyertai dalam BDF, dengan membawakan cita rasa kulineri yang terbaik daripada Restoran Melayu terkenal di Singapura dan mengalu-alukan cucu kepada Restoran Hajah Maimunah ke Horizons Seafood Restaurant.

Festival Makanan Singapura ini merupakan salah satu inisiatif bagi mempromosikan percutian dalam negara serta menarik pelancong luar ke negara ini kerana BDF kali ini akan menyediakan pelbagai acara di sepanjang bulan Disember ini bagi mengisi musim percutian.

Warga tempatan dan pelancong boleh menikmati pelbagai jenis menu masakan Melayu kampung tradisional dan kontemporari

Singapura yang ditawarkan semasa Festival Masakan tersebut.

Dari 1 hingga 16 Disember 2018 ini, orang ramai berpeluang menikmati lebih daripada 80 jenis masakan kampung Singapura dengan pondok-pondok masakan seperti Kari Laksa Nyonya, Nasi Lemak Singapura dengan Sambal Sotong, Nasi Ayam Hainan Singapura dan banyak lagi.

Festival Makanan Singapura dibahagikan kepada dua sesi bufet, iaitu pada setiap Isnin hingga Rabu, bufet makan malam berharga BND24.90 bagi dewasa dan BND12.90 bagi kanak-kanak; dan pada setiap Khamis hingga Ahad, harga bufet ialah BND29.90 bagi dewasa dan BND14.90 bagi kanak-kanak,

bermula jam 7.00 malam hingga 10.00 malam setiap hari.

Sementara itu, bagi pemegang Kad RBC Dining Privilege dan Bank Baiduri akan dapat menikmati diskaun sebanyak 10 peratus sepanjang promosi itu dijalankan.

Menerusi festival itu nanti, para pelanggan berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik, seperti pakej percutian ke Singapura selama tiga hari dua malam dan bawcer membeli-belah bernilai BND1,000 dan banyak lagi hadiah-hadiah menarik.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Horizons Seafood Restaurant di talian +673 2233400 atau ikuti Instagram @thehorizonsseafood_bn.

Majlis Tahlil memperingati HAOKU 2018



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (tengah) semasa hadir pada Majlis Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam di Kubah Makam Diraja bagi memperingati Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Disember. - Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) diraikan setiap 3 Disember sebagai penghargaan kepada jasa-jasa warga Orang Kelainan Upaya (OKU) dan memartabatkan kepentingan mereka dalam masyarakat.

Bagi memperingati hari tersebut, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) mengadakan Majlis Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir pada Majlis Tahlil berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan

bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir ialah Pegawai Tugasan Khas Kanan KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Presiden MKOKU, Dato Paduka Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab; wakil-wakil dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama; pegawai-pegawai kanan KKBS dan Ahli-ahli Persatuan di bawah MKOKU.

Bacaan Tahlil pada majlis tersebut dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Sungai Hanching, Awang Haji Noorazaleneta bin Haji Ratu.

Bersempena dengan Sambutan HAOKU, JAPEM juga akan mengadakan Majlis Kesyukuran sempena HAOKU pada Isnin, 3 Disember di Masjid Hassanul Bolkihah Kampung Mentiri dan Forum sempena HAOKU pada Isnin, 7 Januari 2019.

KKBT kelolakan majlis berselawat sempena Maulud Nabi



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (empat, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Selawat Ke Atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam; Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Di Hati Kami kelolaan oleh Kelab Komuniti Belia Transformasi.

Siaran Akhbar dan Foto : Kelab Komuniti Belia Transformasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Disember. - Majlis Selawat Ke Atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam; Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Di Hati Kami merupakan aktiviti julung kali diadakan oleh Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), iaitu sejak penubuhannya pada 27 Ogos 2017.

Majlis diadakan di Dewan Silaturahmi Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar

Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis yang diadakan bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad 1440H / 2018M tersebut adalah sebagai platform kepada orang ramai dan para belia khususnya untuk berkumpul di dalam sebuah majlis ilmu dan peluang untuk mengenali dengan lebih mendalam keperibadian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, selain itu sebagai usaha berterusan untuk mengimarahkan bulan Rabiulawal, bulan kelahiran

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bukan hanya tertumpu khusus pada awal bulan sehingga tarikh hari keputeraan baginda sahaja tetapi di sepanjang bulan berkenaan.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Isyak Berjemaah dan seterusnya mendengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Abdul Wafiy bin Haji Ibrahim, Qari Negara yang pernah menyandang tempat ketiga pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Tahun 1436H / 2015M.

Bacaan Selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad dipimpin oleh belia-belia ahli KKBT; Belia Kumpulan Ahlul Mubin dan Belia Kumpulan Az Zahra.

Sementara tazkirah disampaikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Ilmu Teras Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Pengasas Bersama Al-Minhaj Centre, Awang Hilman bin Haji Salim dengan tajuk 'Pesan Rasulullah Untuk Belia' yang turut mengaitkan peranan belia dalam pengukuhan hidup berkeluarga.

Majlis disempurnakan lagi dengan bacaan Sayyidul Istigfar beramai-ramai dan Doa Penutup majlis oleh Haji Abdul Halim bin Haji Fuad.

Lebih 100 orang belia menyertai majlis tersebut yang turut menjemput para belia dari kalangan siswa dan siswi KUPU SB, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Belia Program

Khidmat Bakti Negara (PKBN), Belia Masjid dan Kumpulan-kumpulan Qasidah serta ahli-ahli KKBT sendiri.

Majlis juga bertujuan untuk mempertingkatkan dan mengukuhkan persefahaman dan kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiyah belia serta menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti keagamaan.

Majlis turut dihadiri oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed; Pengarah Bahagian Khidmat Bakti Negara, Kolonel (B) Pengiran Haji Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail dan para pegawai serta kakitangan Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan.



PEMANGKU Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Hajah Zurina binti Haji Harun hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan Perkhemahan Pengembaraan Kepimpinan Pelajar Brunei - Singapura Kali Ke-12 Tahun 2018.



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Disember. - Seramai 20 pelajar dari Negara Brunei Darussalam dan 20 pelajar dari Singapura menyertai Perkhemahan Pengembaraan Kepimpinan Pelajar Brunei - Singapura Kali Ke-12 (The 12th Brunei - Singapore Student Leaders Adventure Camp - BSAC) tahun 2018.

KETUA Unit Kegiatan Luar Sekolah, JSS, Kementerian Pendidikan, Awang Mohd. Yusof bin Matrais semasa ucapan alu-aluan.

BSAC terus hasilkan pemimpin holistik, bersemangat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin

Perkhemahan tersebut juga disertai bersama lapan Chaperones dari Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Majlis mengalu-alukan para peserta perkhemahan yang bermula hari ini hingga 5 Disember diadakan di Dewan Kuliah Sekolah Sukan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Hajah Zurina binti Haji Harun.

Terdahulu, Ketua Unit Kegiatan Luar Sekolah, JSS, Kementerian Pendidikan, Awang Mohd. Yusof bin Matrais dalam ucapan alu-aluannya berkata, ini adalah kali keenam Kementerian Pendidikan menjadi tuan rumah BSAC sejak kem pertama ditubuhkan pada tahun 2007 di Singapura.

Menurutnya, program tersebut diadakan secara bergilir-gilir dan perkhemahan ini adalah salah satu daripada platform yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Brunei Darussalam dan Singapura untuk terus menghasilkan pemimpin yang holistik dan bersemangat, yang bukan sahaja memiliki pelbagai kemahiran yang diperlukan tetapi menghargai alam semula jadi dan juga budaya.

Beliau juga berasa gembira kerana aktiviti BSAC tahun ini disediakan oleh pegawai-pegawai

dari Unit Kegiatan Luar Sekolah, JSS bersama dengan pegawai pendidikan yang terpilih dan pelajar sekolah menengah.

Katanya, antara aktiviti diadakan termasuk Team Building, Abseiling dan Telematch yang bertujuan meningkatkan kepimpinan, kerja berpasukan, komunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah, manakala aktiviti Berpadi, Terokai Bandar dan Nature Walk diharapkan dapat

meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar dan biodiversiti.

Slot khas juga diatur untuk ketua pelajar dari kedua-dua negara mempamerkan permainan tradisi di bawah pengawasan pengetua.

Tujuan perkhemahan tersebut adalah bagi membangun kepimpinan, pemikiran, penyelesaian masalah dan kemahiran membuat keputusan dalam setiap diri pelajar yang menyertai BSAC.



SEBAHAGIAN daripada pelajar yang menyertai Perkhemahan Pengembaraan Kepimpinan Pelajar Brunei - Singapura Kali Ke-12.

Tarbiyah Rasulullah membawa rahmat dalam berkeluarga

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Disember. - Kehidupan kita yang cepat dan pantas berlalu ini di hujung nanti kita dimatikan dan dibangkitkan semula, kemudian akan hidup kekal abadi di akhirat yang mana di akhirat itu ada dua tempat, iaitu syurga dan neraka.

Pengarah Pusat Ilmu Teras Kolej Universiti Perguruan U gama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar berkata, hidup kita ada pilihan yang mana ada dua jalan, mahu menjadi orang bersyukur / beriman (syurga) atau menjadi orang kufur (neraka).

Semasa menyampaikan Ceramah Khas bertajuk 'Tarbiyah Rasulullah Membawa Rahmat Dalam Berkeluarga' pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Pejabat Peguam Negara bagi Tahun 1440 Hijrah / 2018 Masihi berlangsung di Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, di sini, beliau juga turut mengongsikan mengenai nilai diri, iaitu apabila melakukan sesuatu kebaikan, amalan-amalan ke syurga, maka kita berganjak selangkah menuju ke syurga, tetapi jika melakukan kejahatan kita berganjak melangkah ke neraka.

Beliau berkata, jika kita sudah merasa jauh dari syurga, bertaubatlah untuk menuju ke syurga dan itulah penghujung yang kita mahukan.

"Kadang-kadang kita orang Islam memang kita mahu akhirat tetapi dunia jangan kita tinggalkan, kerana kita hidup di dunia sebab itu disebut oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa dunia itu tempat kita bercucuk tanam untuk akhirat, di mana di akhirat kita menuai hasil. Dunia keperluan kita dan tujuan kita akhirat," ujarnya.



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hairol Arni bin Haji Abdul Majid (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Pejabat Peguam Negara bagi Tahun 1440 Hijrah / 2018 Masihi.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hairol Arni bin Haji Abdul Majid.

Juga hadir, Peguamcara Negara, Dayang Zuraini binti Haji Sharbawi serta pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dibacakan oleh Pengiran Mohd. Adibul Amin bin

Pengiran Haji Marjuki.

Majlis juga diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara.

Majlis yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Acara-Acara Keagamaan Pejabat Peguam Negara merupakan aktiviti tahunan Pejabat Peguam Negara dalam sama-sama memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menegakkan dan menyebarkan lagi syiar Islam.

PUISI

Hantarkan puisi awda ke pelita.brunei@information.gov.bn

PERTANIAN : SURVIVABILITI BANGSA DAN NEGARA

Ini adalah satu slogan kehidupan ...
maka peganglah ia untuk jadi pembakar semangat.

Memang tidak mudah untuk hidup percuma tanpa usaha, ya di sinilah perlunya rancangan kemajuan negara.

Mesti cepat merebut masa, kerana jika lambat, hanyutlah kita jauh ke laut.

Pertanian adalah sumber kehidupan, mari aktifkan!
Ya, aktifkan!
Untuk masa depan yang panjang.

Kita mesti mencuba mempercepatkan langkah bukan memperlambatkan langkah, langkah yang diperlukan ialah langkah menuju sasaran.

Sasaran membangun 'Bumi Hijau' dengan keringat dengan bajet ... tanpa ragu walau sedikit tanpa takut walau sedikit.

Adapun keraguan dan ketakutan, itu semua pakaian usang tanggalkan saja!
Dan pastikan yang kekal hanya keyakinan.

Awas! Kalau lambat melangkah lambat pula baluriah, sedang tuntutan keperluan terus konsisten menagih kita.

Bukan sahaja kita malah seluruh dunia bergantung harap kepada - hasil pertanian.

Mengapa? Kerana bukannya pertanian itu survivabiliti bangsa dan negara?
Tanpa pertanian, pincanglah kehidupan.

Ini bukan saja-saja pendapat, tetapi Quran dan Hadis jadi dalilnya bahawa - memang pertanian kerja utama.

Al-Quran telah merakam bagaimana Allah menyuruh untuk bertanam selama 7 tahun ya, 7 tahun.

Mengapa mesti bertanam selama 7 tahun? Kerana selepas 7 tahun bertanam akan datang pula giliran 7 tahun kemarau.

Lihat!
Allah menyuruh bertanam untuk menghadapi kemarau

paling dahsyat, Allah tidak menyuruh, mengimport sahaja bahan makanan.

Ini adalah perintah kepada umat Nabiallah Yusuf, sekiranya umat ini enggan maka padahnya, kehancuran.

Mengapa hancur? Kerana penangan 7 tahun kemarau ya, cuba bayangkan 7 tahun kemarau.

Sedang kemarau sebulan dua sahajapun sudah cukup memeritkan, betapa kalau 7 tahun? Satu musibah yang sukar digambarkan.

Inilah makanya Allah memberi petunjuk untuk bertanam selama 7 tahun, kerana selepas bertanam 7 tahun 7 tahun kemarau pula mengambil giliran.

Tidakkah ini jelas Allah menyuruh bertanam? Tanam sendiri hasilkan sendiri, langkah terpuji.

Malah ini juga langkah 'penyelamat' bagi bangsa bagi negara bagi semua.

Kita sudah ada benih 'Laila', sekarang 'Sembada' dan 'Titih', mari! Cekalkan hati mencuba.

Azamkan sampai berjaya MENYARA DIRI. Walau sasaran masih jauh tetapi tidak bererti yang jauh itu selamanya jauh.

Kita pasti boleh menghampiri sasaran, asal saja ada kemahuan ada usaha.

Kalau orang lain boleh mengapa kita tidak? Bukannya pengayuh sudah di tangan dan perahu sudah di air, apa perlunya menunggu lagi?

Marilah meniti 'Hasrat Besar' MENYARA DIRI ..., tanpa lesu tanpa jemu.

Langkah ini langkah suci tradisi - bangsa merdeka negara merdeka tetap merdeka.

ADI RUMI
Rumah Hidayah,
27.11.2018.



LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :
pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang saku hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :
1) 'Famili' - Tarikh Tutup : 8 Disember 2018
2) 'Kereta' - Tarikh Tutup : 22 Disember 2018
3) 'Bersekolah' - Tarikh Tutup : 12 Januari 2019
Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.



Oleh : Sumbangan Kementerian Pertahanan dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Kementerian Pertahanan, Jabatan Penerangan

Program Perkembangan Eksekutif anjuran Kementerian Pertahanan Siri 14 / 2018



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta pada Majlis Penutup Program Perkembangan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Siri Ke-14 anjuran Kementerian Pertahanan.



SESI Khas bersama Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua yang diadakan di Dewan Kuliah, Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 21 November 2018.



SESI Ceramah Khas bersama Timbalan Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin pada 26 Oktober 2018.



PARA peserta Program Perkembangan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Siri Ke-14 anjuran Kementerian Pertahanan yang diraikan pada majlis penutup program pada 30 November 2018.



PARA peserta mengadakan Lawatan sambil Belajar ke Kementerian Pendidikan pada 17 Oktober 2018.



SESI Ceramah Khas bersama Professor in the Practice of Public Policy / Senior Advisor, National University of Singapore, Profesor Kishore Mahbubani yang diadakan pada 29 Oktober 2018.



PARA peserta Program Perkembangan Eksekutif mengadakan Lawatan sambil Belajar ke Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada 16 Oktober 2018.

Sistem VES bantu kurangkan kesesakan pos kawalan

Oleh : Siti Kamaliah Seruji / Haji Jahat, Penempatan Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam di Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Kastam dan Eksais Diraja

Inisiatif Kerajaan

JABATAN Kastam dan Eksais Diraja (JKED) adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang berperanan dalam membantu memelihara keselamatan negara dan memudahcara perdagangan termasuk dalam memberikan kemudahan pergerakan barangan keluar dan masuk Negara Brunei Darussalam.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai, JKED telah memperkenalkan salah satu inisiatif, iaitu Sistem Maklumat Kenderaan Keluar / Masuk secara *online* (Vehicle Exit / Entry System) atau VES.

Inisiatif ini mendukung penggunaan sumber teknologi maklumat dan seterusnya secara tidak langsung meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dengan menawarkan perkhidmatan yang efisien dan berkesan selaras jua dengan Wawasan Brunei 2035 untuk mencapai taraf hidup yang tinggi.

Tujuan

VES dilaksanakan adalah untuk memudah cara dan mempercepat proses mendapatkan kebenaran membawa kenderaan melintas sempadan melalui pos-pos kawalan di negara ini dengan membuat permohonan secara *online* yang dapat diakses di mana-mana dan bila-bila masa sahaja.

Pelaksanaan sistem VES ini adalah bagi menggantikan sistem manual menggunakan borang. Dengan pelaksanaan sistem VES diharap dapat mengurangkan kesesakan di pos-pos kawalan yang bertujuan untuk mengisi borang kenderaan.

Tatacara Permohonan

Permohonan bagi membawa kenderaan melalui sistem VES boleh diakses melalui laman sesawang www.bdnsw.gov.bn.

Sekiranya maklumat kenderaan tersebut ada di dalam Sistem

Pengangkutan Darat (SPD), Jabatan Pengangkutan Darat, sistem VES akan memaparkan keterangan lanjut kenderaan berkenaan secara automatik. Jika tidak, pemohon hendaklah mengisikan keterangan pemilik dan pemandu melalui borang maklumat secara *online* seperti nombor pendaftaran, nombor rangka, nombor enjin kenderaan dan sebagainya.

Setelah semua keterangan diisikan dengan lengkap, pas kebenaran VES yang mengandungi kod QR akan dijana secara automatik. Pemilik atau pemandu kenderaan boleh menyimpan pas kebenaran VES tersebut dalam format digital atau dicetak dan hendaklah sentiasa dibawa semasa pemeriksaan dan seterusnya untuk diimbas menggunakan mesin pengimbas yang disediakan di pos-pos kawalan.

Pemilik kenderaan hendaklah memastikan bahawa pas kebenaran VES hanya sah digunakan untuk kenderaan yang didaftarkan sahaja. Kenderaan yang lain, hendaklah dipohonkan secara berasingan.

Saranan

JKED menyarankan orang ramai untuk menggunakan sistem VES dan mendapatkan pas kebenaran VES terlebih dahulu sebelum membuat urusan merentas sempadan dengan mendaftarkan kenderaan masing-masing melalui sistem VES secara *online* lebih awal sebelum tarikh dan waktu perjalanan / urusan.

Bagi membantu orang ramai yang tidak mempunyai akses kepada internet, pihak JKED menyediakan khidmat bantuan untuk mendapatkan pas kenderaan VES dengan menghadirkan diri ke Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Ibu Pejabat JKED atau ke Pejabat JKED di pos-pos kawalan sempadan.

Pemandu adalah dikehendaki untuk membawa bersama pas kenderaan yang lama (jika ada)



JABATAN Kastam dan Eksais Diraja memperkenalkan Sistem Maklumat Kenderaan Keluar / Masuk secara *online* (Vehicle Exit / Entry System) atau VES yang mana boleh didapati dengan melayari laman sesawang www.tradingacrossborders.gov.bn atau www.bdnsw.gov.bn.

dan semua dokumen-dokumen berkaitan dengan kenderaan tersebut seperti salinan Bluecard kenderaan, salinan insurans, pasport pemandu dan surat kebenaran menggunakan kenderaan, jika sekiranya pemandu bukan pemilik sah kenderaan berkenaan.

Maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh didapati dengan melayari laman sesawang www.tradingacrossborders.gov.bn atau www.bdnsw.gov.bn; atau menghubungi terus Kaunter Pelanggan di Perkhidmatan talian +673 2382361 atau +673 2382333; atau melalui e-mel ke info@customs.gov.bn.



Atau menggunakan telefon bimbit/tablet

PEMILIK atau pemandu kenderaan boleh menyimpan pas kebenaran VES tersebut dalam format digital atau dicetak dan hendaklah sentiasa dibawa semasa pemeriksaan dan seterusnya untuk diimbas menggunakan mesin pengimbas yang disediakan di pos-pos kawalan (atas dan bawah).



Menggunakan salinan yang dicetak



PAS SEMENTARA KELUAR/MASUK KENDERAAN
TEMPORARY EXIT/ENTRY PASS



Bil. Pendaftaran/ Registration No.	BAA9916
Jenis/ Type	TOYOTA VIOS 1.5E H/S
No. Enjin/ Engine No.	1N2FEY046263
No. Rangka/ Chassis No.	MR053HY9305153899
Tarikh Mansuh Cukai Jalan/ Road Tax Expiry Date	28/02/2018
Tarikh Mansuh Pas Kenderaan/ Vehicle Pass Expiry Date	28/02/2018

Warna Kenderaan/
Vehicle Colour

SUPER WHITE II

PAS kebenaran VES yang mengandungi kod QR akan dijana secara automatik.

Sho Wa Ren unggul Kejohanan Terbuka Karate-do Shitokai Brunei 2018

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Disember. - Kontinjen Sho Wa Ren, Brunei Darussalam membuktikan kehebatan mereka setelah mengungguli kutipan pingat selama dua hari Kejohanan Terbuka Karate-do Shitokai Brunei 2018 di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Setelah mendominasi 23 pingat keseluruhan termasuk 10 emas pada hari pertama, mereka menambah pingat lagi pada hari kedua dengan mencatatkan 11 emas, empat perak dan enam gangsa yang berjumlah sebanyak 21 pingat.

Sementara, Kontinjen Kementerian Pendidikan melalui

Sekolah Sukan pula menduduki tempat kedua pada hari kedua dengan dua emas, tiga perak serta enam gangsa dan di tempat ketiga, Shitokai Karate Brunei Darussalam dengan memungut sembilan pingat iaitu dua emas, tiga perak dan empat gangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Kejohanan julung kali dianjurkan secara kolaborasi Shitokai Karate Brunei Darussalam dengan kerjasama

Jabatan Kemajuan Pelancongan, KSSUP serta Persatuan Karate Brunei Darussalam yang disertai sebanyak sembilan buah pasukan iaitu dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Republik Singapura.

Setentunya, kejohanan tersebut akan menjadi platform bagi para atlet karate bersaing dan berada secara sihat dalam memartabatkan sekaligus memperkembangkan kemahiran sukan berkenaan di rantau ini.

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali menyampaikan pingat kepada pemenang Kejohanan Terbuka Karate-do Shitokai Brunei 2018.



Pelbagai aktiviti menarik sempena BDF 2018



PENGERUSI Kejohanan Terbuka Karate-do Shitokai Brunei 2018, Awang Mohammad Nabil bin Abdul Malik (kiri); Presiden Armwrestling, Pengiran Haji Mohd. Yusren bin Pengiran Haji Md. Daud (tengah) dan wakil First Person View (FPV) Brunei, Awang Md. Shafique bin Haji Md. Hussain (kanan) semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei pada Majlis Pelancaran Brunei December Festival 2018.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Disember. - Bagi mendapatkan iktiraf Guinness World Records, Ayu Atiqah Event Management membuat percubaan Jalinan Kelupis Terpanjang sebagai salah satu usaha untuk menempatkan Negara Brunei Darussalam di mata dunia.

Dalam temu bual Pelita Brunei

bersama Pengurus Ayu Atiqah Event Management, Awang Haji Durain bin Haji Mohammad semasa Majlis Pelancaran Brunei December Festival (BDF) 2018 dan Kayuhan Basikal sempena BDF 2018 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, di sini, antara lain menjelaskan, acara tersebut

dijayakan oleh seramai 30 orang yang terdiri daripada ahli keluarga beliau sendiri.

Menurutnya, proses pembuatan kelupis-kelupis tersebut dilaksanakan selama lima hari dan mula dikukus dua hari lalu dengan bantuan daripada pekerja-pekerja Royal Brunei Catering, yang mana kelupis-kelupis melalui

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman, Haniza Abdul Latif

langkah-langkah yang tersusun daripada proses mendadiah, membungkus dan mengukus.

Tambahnya, pembuatan kelupis ini dipilih untuk mempromosikan dan memperkenalkan kuih tradisi Brunei kepada seluruh rakyat di negara ini dan para pelancong dari luar negara, di samping membantu pengusaha kecil dan sederhana tempatan bagi meningkatkan penghasilan dan pendapatan mereka.

Selain itu jelasnya, ia juga dapat menggalakkan penglibatan penduduk kampung, khususnya Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim (MPM) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) untuk sama-sama berganding bahu dengan pihak kerajaan dan syarikat swasta.

Sementara itu, Pengerusi Kejohanan Terbuka Karate-do Shitokai Brunei 2018, Awang Mohammad Nabil bin Abdul Malik semasa ditemui menjelaskan mengenai dengan anjakan kejohanan tersebut yang diadakan buat julung-julung kalinya bersempena BDF 2018.

Menyentuh tentang penyertaan kejohanan yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, beliau berkata, sambutan penyertaan adalah sangat menggalakkan, yang mana mereka menerima sebanyak 160 penyertaan dari dalam dan luar negara, termasuk lima pasukan dari Malaysia dan satu pasukan dari Singapura.

Melalui kejohanan tersebut ujarnya, ia dapat menjadi platform utama untuk semua Persekutuan Karate di Asia Tenggara berinteraksi dan memupuk persahabatan di antara satu sama lain, di samping memberikan para atlet peluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam sukan ini.

Orang ramai yang ingin menyertai sukan bela diri ini bolehlah melayari laman Facebook : *shitokai.darussalam* atau menghubungi melalui talian +673 8905191 atau e-mel terus ke *shitokaibruneidarussalam@gmail.com*.

Manakala,

Presiden

Armwrestling, Pengiran Haji Mohd. Yusren bin Pengiran Haji Md. Daud menjelaskan, Kejohanan Gusti Lengan Terbuka akan diadakan di Kiulap Mall selama dua hari bermula 15 hingga 16 Disember nanti.

Jelasnya, permainan gusti lengan ini pada zaman dahulu dipanggil berambit atau berudi dan cara-cara berambit sudah pun berubah, yang mana pada masa ini aspek keselamatan adalah sangat penting bagi mereka yang ingin menyertai permainan ini.

Menyentuh mengenai dengan penyertaan bagi kejohanan tersebut jelasnya, seramai 50 peserta akan bertanding terdiri daripada para peserta dari dalam dan luar negara.

Menurutnya lagi, gusti lengan diadakan bagi mempromosikan dan mengembangkan permainan tersebut kepada orang ramai.

Bagi mereka yang berminat untuk menyertai gusti lengan ini bolehlah melayari laman Facebook *Brunei Armwrestling* atau menghubungi talian +673 8808981 atau menghantar e-mel ke *Brunei.armwrestling@gmail.com*.

Sementara itu, wakil First Person View (FPV) Brunei, Awang Md. Shafique bin Haji Md. Hussain menjelaskan, aktiviti yang didemokan pada Pelancaran BDF 2018 ialah aktiviti Perlumbaan Dron, yang mana hobi penerbangan dron itu menarik minat penduduk tempatan sejak 4 hingga 5 tahun lalu.

Menyentuh mengenai penyertaan Ahli FPV Brunei katanya, seramai 40 ke 50 juruterbang ikut serta dan jumlah itu terus meningkat, yang mana mereka juga pernah menyertai pertandingan-pertandingan di Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Jelasnya lagi, Perlumbaan Dron SEA DRC akan diadakan pada 25 hingga 26 Januari 2019 di Jerudong Park Drone.

Tujuan aktiviti tersebut diadakan ialah untuk membuat *e-sport* sebagai satu aktiviti yang *mainstream*.

Bagi mereka yang berminat dengan aktiviti ini bolehlah layari laman Facebook *FPV Brunei*.

MINDA PEMBACA

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Waspada Gejala Penyebaran Berita Palsu'. Tarikh Tutup : 5 Disember 2018
2. 'Kepentingan Mengamalkan Semangat Kejiranan'. Tarikh Tutup : 12 Disember 2018
3. 'Pertanian Berpotensi Jana Pendapatan Lumayan'. Tarikh Tutup : 19 Disember 2018

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca,

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:
pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
Setiap Minggu

Sukan

INFO SUKAN

SERAMAI 10 penunggang basikal *mountain* Negara Brunei Darussalam menyertai 2nd International Chiang Mai Enduro - Asian Enduro Series (AES) Final 2018 yang berlangsung dari 29 November hingga 2 Disember.



ePaper Pelita Brunei

Kejohanan Terbuka Karate-do Shitokai Brunei 2018 dirasmikan



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Raafi'ah Amalul Bulqiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah semasa merasmikan Kejohanan Karate-do Shitokai Terbuka 2018 (kanan). Sementara gambar kiri, Yang Amat Mulia dijunjung dan diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang bertanding pada Kejohanan Terbuka Karate-do Shitokai Brunei 2018.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Disember. - Kejohanan Terbuka Karate-do Shitokai Brunei 2018 selama dua hari membuka tirainya hari ini bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Sebanyak sembilan buah pasukan terdiri daripada 160 peserta dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Republik Singapura menyertai kejohanan yang buat julung kalinya dianjurkan oleh Shitokai Karate Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Persatuan Karate Brunei Darussalam.

Terdahulu, Pengerusi Kejohanan, Awang Mohammad Nabil bin Abdul Malik dalam sembah alu-aluannya berkata, kejohanan ini menjadi platform utama untuk semua Persekutuan

Karate di Asia Tenggara berinteraksi dan memupuk persahabatan di antara satu sama lain.

Di samping itu, ia juga memberi para atlet peluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam sukan ini.

Berangkat merasmikan kejohanan tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raafi'ah Amalul Bulqiah binti

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Pada majlis perasmian tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raafi'ah Amalul Bulqiah juga berkenan mengurniakan sabda

perasmian serta berpeluang berinteraksi bersama para peserta.

Sebanyak enam kategori akan dipertandingkan pada kejohanan tersebut masing-masing dalam Kategori 'A', 'B', 'C', Kategori Kadet, Junior dan Kategori Senior dari lingkungan umur 8 hingga 18 tahun ke atas.



ANTARA peserta yang menyertai Kejohanan Terbuka Karate-do Shitokai Brunei 2018 (kiri dan kanan).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERTAKWALAH KEPADA ALLAH DENGAN SEBENAR-BENAR TAKWA

دربیتکن اوله جباتن فرائض، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam